

BAB II

HUKUM MUDĀRABAH

Di sisi *fuqahā'* hukum mempunyai maknaya yang berbagai-bagai. Ada hukum yang berupa tuntutan supaya melakukan sesuatu, supaya tidak melakukan sesuatu atau supaya memilih antara melakukan sesuatu itu atau tidak melakukannya. Ini diistilahkan sebagai hukum *taklīf*.¹ Manakala penentuan yang menjadikan sesuatu itu sebagai sebab, syarat, *māni'* (penghalang), *sahīl*, *fāsid*, *'azīmah* (hukum asal) dan *rukhsah* (keringanan) adalah dikenali sebagai hukum *wad'i*.² Disamping itu kesan daripada sesuatu kontrak yang dibuat sama ada ianya sah atau *fāsid* juga merupakan hukum. Ini kerana hukum juga merupakan suatu yang membawa makna menetapkan sesuatu atau menafikannya.³

Mudārabah adalah sejenis kontrak *mu'āwadah* iaitu kontrak yang ada balasan, bukan kontrak *tabarru'* (sukarela). Maksud hukum *mudārabah* di sini ialah kesan sebenar yang wujud daripada kontrak berkenaan, dari segi tindakan yang boleh dan yang tidak boleh dilakukan oleh pihak-pihak yang berkontrak, pemilik modal dan *mudārib*, setelah termeterainya kontrak *mudārabah* antara mereka. Perbincangan mengenai hukum *mudārabah* dalam kajian ini meliputi hukum-hukum yang berhubungan dengan akad *mudārabah* yang sah dan yang *fāsid* dan kedudukan atau kategori kontrak *mudārabah* dalam mu'amalah

¹ Lihat Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (1997), *al-Muṣṭaṣfā min ˓ilm al-˓Uṣūl*, j. 1, Beirut: Dār Eḥyā' al- Turāth al-'Arabi, h. 59

² *Ibid.*, h. 93.

³ Lihat Syams al-Dīn Muhammād ibn Aḥmad al-Muhalī (1937), *Hasyiyah al-'Allāmah al-Banāñi 'alā Matn Jam' al-Jawāmi'*, j. 1, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādih, h. 47.

kchartaan, sama ada ia bolch diletakkan dalam ketegori *ijārah* atau *syarikah*

A. Hukum *Mudārabah* Yang Sah.

Mudārabah yang sah ialah *mudārabah* yang dibuat dengan memenuhi kchendak-kchendak pembinaan kontrak berkenaan dari segi rukun-rukun dan syarat-syaratnya sebagaimana yang ditentukan oleh *fuqahā'*. Syarat yang dimaksudkan ialah yang berkaitan dengan rukun berkenaan sama ada syarat *sīghah*, syarat kedua pihak yang berkontrak atau syarat bagi mana-mana rukun *mudārabah* yang lain. Hukum *mudārabah* dalam akad yang sah yang dibincangkan dalam bahagian ini meliputi hukum-hukum yang berkaitan dengan sifat akad, kedudukan *mudārib* dalam kontrak *mudārabah* dan tindakan pengurusan yang boleh dan yang tidak boleh dilakukan oleh *mudārib* sama ada dalam kontrak *mudārabah muflaqah* atau *muqayyadah*. Demikian juga dengan hukum-hukum yang berkaitan dengan hak pemilik modal ekoran daripada kontrak *mudārabah* yang berlaku antaranya dan *mudārib*.

1. Sifat akad *mudārabah*.

Fuqahā' Hanafī, Syafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa *mudārabah* adalah suatu kontrak yang harus dan tidak mengikat (*ghayr lāzim*).⁴ Mana-mana pihak harus membubarkannya, sama seperti perwakilan. Pembubaran boleh dibuat pada bila-bila masa sama ada sebelum kerja-kerja urusniaga dimulakan atau semasa urusniaga sedang berjalan. Pada peringkat mulanya *mudārabah* menyamai perwakilan dan diperingkat akhirnya boleh berlaku sama ada ia menjadi syarikat

⁴ al-Namrī, (t.t.), *op.cit.*, h.149; al-Kasani, (t.t.) *op.cit.*, j.7, h. 3655; al-Māwardī (t.t.), *op.cit.*, j 9, h. 109; Ibn Qudāmah, (1981) *op.cit.*, j. 5, h. 64. Kontrak yang mengikat (*lāzim*) ialah setiap kontrak yang mana salah satu pihak yang terlibat dalam kontrak itu tidak berhak membubarkannya tanpa persetujuan pihak lain. Manakala kontrak yang tidak *lāzim* pula kontrak yang mana salah satu pihak yang berkontrak itu mempunyai hak untuk membubarkan kontrak berkenaan tanpa persetujuan pihak yang lain. Lihat al-Kāṣānī, *op.cit.*, h. 3655; Khujah, (1993) *op.cit.*, h. 78.

atau upah (*ji'ālah*), semuanya adalah kontrak yang harus.⁵ Jika kontrak *muḍārabah* telah dibubarkan, harta modal masih ada dan tiada keuntungan, maka harta itu diambil kembali oleh pemiliknya. Jika ada keuntungan, bahagikan kepada mereka mengikut syarat-syarat yang telah mereka persetujui. Jika *muḍārabah* telah dibubarkan dan harta *muḍārabah* yang ada masih dalam bentuk barang mereka hendaklah bersepakat menjualnya atau membahagikannya. Ini harus kerana hak ke atas harta itu hanya untuk mereka berdua sahaja, tiada orang lain yang berhak ke atasnya. Jika *mudārib* meminta untuk menjual barang itu dan pemilik modal enggan membenarkannya, sedangkan dalam urusniaga itu ternyata ada keuntungan. Dalam perkara ini pemilik modal boleh dipaksa menjualnya kerana *mudārib* ada hak dalam keuntungan dan kadar keuntungan itu hanya akan ternyata apabila barang itu dijual. Jika urusniaga *muḍārabah* itu tidak menghasilkan keuntungan, pemilik modal tidak boleh dipaksa menjualnya kerana *mudārib* tiada hak ke atas harta modal.⁶

Jika pemilik modal menuntut supaya harta itu dijual tetapi *mudārib* enggan berbuat demikian. Dalam hal ini terdapat dua pandangan:

- a. *Mudārib* boleh dipaksa menjualnya kerana dia wajib memulangkan harta itu sama seperti semasa dia mengambilnya.
- b. *Mudārib* tidak boleh dipaksa menjualnya jika urusniaga itu tidak menghasilkan keuntungan, sebab setelah *muḍārabah* itu dibubarkan *mudārib* telah menjadi orang asing dalam harta itu.⁷

Muḍārabah juga merupakan suatu kontrak yang yang tidak boleh diwarisi. Jika mati salah seorang daripada mereka sama ada *mudārib* atau pemilik modal,

⁵ al-Syīrāzī (1993) , *op.cit.*j. 1, h. 509; al-Nawawī, (1338 H), *op.cit.*, h.74.; al-Khatīb (t.t.) , *op.cit.*, j. 2, h. 315.

⁶ Ibn Qudāmah (1981) , *op.cit.*, h. 64.

maka kontrak itu menjadi batal.⁸ Berkenaan dengan harta *mudārabah* yang ada setelah kontrak dibubarkan dan harta berkenaan dalam bentuk hutang yang belum dibayar. *Mudārib* wajib membayarnya sama ada perniagaan itu mendapat keuntungan atau tidak. Ini adalah pendapat mazhab Syafī'i dan Hanbali kerana *mudārabah* menghendaki supaya pemulangan dibuat dalam bentuk asalnya yang bukan hutang.⁹

Fuqahā' Hanafi berpendapat jika dalam harta *mudārabah* itu terdapat keuntungan walaupun sedikit, *mudārib* dikehendaki menyelesaikan kerjanya dengan mengutip semua hutang kerana kedudukannya sama seperti pekerja yang diberi upah. Mengutip hutang dianggap sebagai penyempurnaan kerja. Kos memungut hutang itu adalah tanggungan *mudārib*, jika hutang itu di tempat yang sama. Tetapi jika hutang itu di tempat lain, kosnya boleh diambil daripada harta *mudārabah*. Jika tiada keuntungan, tidak boleh dipaksa *mudārib* memungut hutang kerena *mudārib* dalam kes seumpama ini ia adalah sebagai wakil secara sukarela. Memang benar *mudārib* dikehendaki memulangkan apa yang diambilnya, tetapi pemulangan ini dikira sempurna dengan *mudārib* melepaskan kuasa urusniaga harta *mudārabah* dengan mengembalikannya kepada pemilik modal. Pada ketika itu *mudārib* dikehendaki mewakilkan kepada pemilik modal supaya memungut hutang. Apabila dia berbuat demikian terlepaslah kuasa urusniaga daripada tangannya. Hak itu kembali kepada pemilik modal. Dia tidak berhak memungut hutang kecuali dengan pewakilan daripada *mudārib*.¹⁰

⁸ *Ibid.* h. 58; al-Kāṣāni (t.t.), *op.cit.*, h. 3605..

⁹ al-Marghinānī (t.t.), *op.cit.* j. 3, h.208.

⁹ al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*, h. 509; al-Nawawī, (1338H), *op.cit.*, h. 74; al-Khatīb,(t.t.), *op.cit.*, h 320; Ibu Qudāmah (1981) , *op.cit.*, h. 65,

¹⁰ al-Sarakhsī (t.t.) , *op.cit.*, j. 22, h. 70-71; al-Kāṣāni (t.t.) , *op.cit.*, j. 8, h. 3668; al-Marghinānī (t.t.) , *op.cit.*, j.3, h. 209 .

Apabila pemilik modal memecat *muđārib* dia dikhendaki memaklumkan pemecatanya itu kepada *muđārib* dan urusniaga yang dilakukan oleh *muđārib* tetap dianggap sah sehingga dia mendapat kepastian tentang pemecatannya. Terlaksananya penyampaian maklumat pemecatan dengan maklumat secara lisan, melalui perantaraan¹¹ orang lain atau melalui surat. *Muđārib* tidak boleh menguruskan modal perniagaan yang ada di tangannya setelah dia mendapat kepastian tentang pemecatannya. Jika di tangan *muđārib* masih ada harta yang bukan berbentuk wang dia hendaklah menukarinya ke dalam bentuk wang dengan menjualnya.¹² Hal ini tidak menghalang pemecatannya, kerana keuntungan hanya akan menjadi nyata dengan sempurnanya penjualan itu dan *muđārib* hendaklah mengembalikan modal itu sebagaimana ia diambil. Kesimpulannya harta *muđārabah* dalam perkara pemecatan terbahagi kepada tiga keadaan:¹²

- a. Harta modal *muđārabah* berada dalam bentuk asalnya iaitu wang, tidak boleh terus diurusniagakan sebaik sahaja *muđārib* dipecat.
- b. Jika harta modal *muđārabah* itu dalam bentuk mata wang yang lain hendaklah ditukarkan kepada bentuk asalnya. Perak hendaklah ditukar kepada emas jika harta modal adalah emas.
- c. Jika harta yang ada di tangan *muđārib* di waktu itu dalam bentuk barang, hendaklah dia menjualnya hingga kembali kepada bentuk modalnya yang asal untuk memastikan jumlah untung.

Pendapat *fuqahā'* Maliki pula bahawa *muđārabah* pada asalnya adalah suatu akad yang harus pada kedua-dua belah pihak dan tidak mengikat. Kadang-kadang ia mengikat satu pihak sahaja dan tidak mengikat pihak yang lain.

¹¹ al-Kāsāñi (t.t), *op.cit.*, h. 3632; Syarf al-Dīn (1974), *op.cit.*, h. 109; Md Akhir Yaacob (1994), *op.cit.*, per: 1424.

¹² al-Kāsāñi(t.t.) *op.cit.*,

Kadang-kadang ia mengikat kedua-dua belah pihak. Akad ini harus (tidak mengikat) bagi kedua belah pihak sebelum *mudārib* memulakan perniagaan dengan membeli barang. Jika *mudārib* menyediakan bekalan dengan menggunakan wang *mudārabah* sebelum memulakan perjalanan, maka ia mengikat *mudārib*. Dia tidak bolch membubarkan *mudārabah* itu. Hak pembubaran pada ketika itu hanya ada di tangan pemilik modal. Sekiranya dia membayar kepada pemilik modal perbelanjaan menyediakan bekalan, maka dia juga berhak membubarkan kontrak. Jika *mudārib* menyediakan bekalan dengan wangnya sendiri, maka dia berhak membuat pembubaran dan pemilik modal tidak mempunyai hak itu kecuali dia membayar perbelanjaan yang dibuat oleh *mudārib* dalam membeli bekalan berkenaan. Kedua-dua belah pihak terikat (*lazim*) apabila kerja-kerja urusniaga *mudārabah* telah dimulakan dalam negeri atau ketika memulakan perjalanan jika urus niaga dibuat di negeri (tempat) lain dengan tujuan mengelakkan bahaya kepada kedua-dua belah pihak.¹³

Dalam mazhab Maliki juga kontrak *mudārabah* boleh diwarisi. Oleh yang demikian sesiapa yang menerima modal *mudārabah* kemudian dia mati setelah membeli barang dengan menggunakan modal itu, dan dia menjualnya secara hutang (kredit) dengan harga yang menguntungkan dan dia mati sebelum menerima harga barang itu. Dalam hal ini jika ahli-ahli waris si mati ingin mendapatkan bahagian bapa mereka dalam keuntungan itu, mereka barhak mendapatkannya dan mereka terikat dengan syarat-syarat yang dipersetujui oleh bapa mereka dengan pemilik modal dalam agihan keuntungan. Mereka juga bolch mengambil alih kerja bapa mereka sebagai *mudārib*, jika mereka orang-orang yang

¹³al-Dardir (1989), *op.cit.*j 3, h. 706.

amanah ke atas harta tersebut. Jika ahli-ahli waris *mudārib* itu tidak mahu meneruskan kerja tersebut mereka tidak bolch dipaksa berbuat demikian. Mereka tidak ada apa-apa tanggungjawab dalam hal itu dan juga tidak berhak mendapat apa-apa bahagian setclah harta modal itu diserahkan kembali kepada pemiliknya. Jika mereka bersedia meneruskan kerja mengurusniagakan harta tersebut, mereka terikat mematuhi syarat-syarat kontrak seperti mana yang telah dipersetujui oleh bapa mereka. Mereka juga berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah*. Ini bermakna mereka mengambil tempat bapa mereka. Jika mereka tidak boleh dipercayai untuk mengurusniagakan harta itu, mereka hendaklah mengemukakan seorang yang boleh dipercayai. Dalam meneruskan urusniaga modal *mudārabah* tersebut, kedudukan mereka sama seperti bapa mereka.¹⁴

2. Implikasi kontrak *mudārabah* ke atas *mudārib*

Setelah kontrak *mudārabah* dibuat antara pemilik modal dan *mudārib*, muncullah beberapa hukum kesan daripada kontrak itu yang menentukan kedudukan dan tanggungjawab serta hak *mudārib* dalam kontrak berkenaan sebagaimana berikut:

2.1. Dari segi kedudukan *mudārib*

i. Sebagai pemegang amanah:

Mudārib adalah pemegang amanah terhadap modal yang diperolehinya. Kewajipannya ialah memelihara dan menyuburkannya dan mengembalikan kepada pemiliknya ketika diminta. Dia tidak bertanggungjawab menggantikan modal itu jika hilang. Ini bererti *mudārabah* adalah amanah yang tidak dijamin dengan syarat *mudārib* tidak cuai dalam menjaga amanah terhadap modal yang

¹⁴al-Tanūkhī (t.t.) , *op.cit.j* 5, h.130; al-Zurqānī (1979) , *op.cit.j*.5, h. 357.

disrahkan kepadanya dan tidak menyeleweng daripada tujuan asalnya. al-Sarakhsī dan al-Kāṣānī berpendapat bahawa modal yang berada di tangan *mudārib* sebelum dia membeli sesuatu adalah dianggap sebagai suatu amanah yang menyamai *wadī'ah*.¹⁵ Ini kerana dia menerima dengan izin pemilik modal, bukan dalam bentuk¹⁶ penerimaan yang ada gantian seperti menerima barang yang dibeli dan bukan juga atas dasar kepercayaan (*wathiqah*) seperti gadaian.¹⁷ Setiap penerimaan demikian adalah dianggap sebagai satu amanah¹⁸.

Pemilik modal tidak harus mengenakan syarat supaya *mudārib* membayar ganti rugi ke atas sebarang kerosakan atau kehilangan, kerana syarat demikian menyalahi kehendak kontrak *mudārabah*. Menurut al-Imām Mālik tiada perbezaan pendapat bahawa *mudārabah* adalah satu amanah.¹⁹ Menurut Ibn Qudāmah²⁰: *mudārib* adalah pemegang amanah dalam harta *mudārabah* kerana dia mengurusniagakan harta orang lain dengan keizinan pemiliknya dan tidak dikhususkan manfa'at untuknya dan kedudukannya sama seperti wakil²¹. Sebarang syarat yang menghendaki *mudārib* membayar ganti rugi kepada pemilik modal jika berlaku kerosakan atau hilang bukan kerana kecuaian dan salah lakunya adalah sebagai syarat yang *fāsid*. Terbatal syarat itu dan *mudārabah* kekal sah.²²

¹⁵ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h.19-20; al-Kāṣānī, (t.t) *op.cit.* j. 8., h.3604.

¹⁶ al-Kāṣānī, *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*; al-Marghīnānī (t.t.) , *op.cit.*j.3, h. 202.

¹⁸ al-Zurqānī (1979) , *op.cit.*j.3, h. 155.

¹⁹ Nama sebenarnya ialah Abū Muḥammad Muwaffaq al-Dīn ‘Abdullah ibn Ahmad ibn Muḥammad ibn Qudāmah al-Jam’īlī al-Maqdīsī (meninggal 620 H), berasal daripada kampung Jama’īl di Nablus, Palestin. Beliau keluar meninggalkan kampung sejak kecil bersama bapa saudaranya ketika perang salib dan menetap di Damsyik, bergabung dengan Ṣalah al-Dīn al-Ayūbi memerangi golongan Salib. Pergi menuntut ilmu di Bagdad selama empat puluh tahun, kemudian kembali ke Damsyik. Antara kitab karangannya ialah *al-Mughnī*, *al-Kāfi*, *al-Muqni’* dan *al-Umdah*. Lihat Abū al-Falāḥ ‘Abd al-Hay ibn al-‘Imād al-Ḥanbālī (t.t.) , *Shadharat al-Dhabab*, j. 5, Dār al-Fikr, h. 88; Zirikli.(1979), *op.cit.*, j.4, h. 67.

²⁰ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 69.

²¹ al-Kāṣānī (t.t.), *op.cit.*, h. 3590.

Setelah *mudārib* dianggap sebagai pemegang amanah, maka kata-katanya menjadi kata pemutus dalam dakwaan tentang kerosakan barang modal, dakwaan kerugian dan dakawan mengenai pengembalian modal kepada pemiliknya dengan sumpah sekalipun dia menerima modal itu tanpa apa-apa keterangan. Demikian juga jika dia menerima dengan ada keterangan tetapi keterangan itu bukan dalam bentuk untuk memberi keyakinan (*tawathiq*). Sekiranya dia menerima modal dengan keterangan yang bertujuan untuk meyakinkan pemilik modal akan dakwaannya (*mudārib*) mengenai pemulangan modal itu, maka kata-katanya tidak boleh diterima kecuali dengan keterangan saksi.²²

ii . Sebagai wakil.

Muḍarabah dianggap sebagai satu perwakilan apabila *mudārib* telah mengurusniagakan harta *muḍarabah* kerana dia mengurusniagakan harta orang lain dengan kehendak pemiliknya. Atas asas ini pembelian yang dilakukan olehnya dalam kontrak ini dilakukan dengan cara yang sesuai dengan akad perwakilan iaitu dengan cara membeli barang pada harga biasa atau pada harga yang sedia dibeli oleh orang ramai. Kedudukannya sama seperti kedudukan wakil yang ditugaskan membeli. Jika dia membeli pada harga yang boleh menyebabkan kerugian yang besar, maka pembelian itu adalah untuknya sendiri bukan atas akaun *muḍarabah*.²³

Jika *mudārib* menjual sesuatu maka dia dianggap sebagai wakil yang ditugaskan untuk menjual. Menurut Abū Ḥanīfah sebagai wakil, *mudārib* mempunyai hak menjual secara tunai dan kredit (hutang) dan jualan yang boleh mengalami kerugian yang besar sesuai dengan kehendak jualan secara *mutlaq*.

²² al-Dardir (1989), *op. cit.h.* 707.

²³ al-Kāṣāñ (t.t), *op.cit.*, h. 3606.

Tetapi pendapat ini tidak dipersetujui oleh dua orang penuntutnya, Abū Yūsuf dan al-Syaybānī. Bagi mereka sebagai wakil, *mudārib* tidak berhak menjual secara kredit dan tidak boleh menjual pada harga yang mengakibatkan kerugian yang tidak bersedia ditanggung oleh kebanyakan orang dalam menjual sesuatu barang.²⁴

Ini kerana maksud *juālān* secara *mutlaq* ialah jualan yang menjadi kebiasaan. Sedangkan jualan dengan rugi yang besar bukan satu kebiasaan. Kerana itu wakil tidak boleh bertindak demikian. Pendapat dua orang sahabat Abū Ḥanīfah ini juga menjadi pegangan mazhab-mazhab Syafi'i, Maliki dan Hanbali.²⁵ Cuma mazhab Hanbali membenarkan *mudārib* menjual secara tunai dan kredit seperti pendapat Abū Ḥanīfah.²⁶

Mudārib juga boleh menyerahkan harta *mudārabah* secara *ibdā'* kerana *ibdā'* adalah satu 'adat peniaga. Tujuan kontrak *mudārabah* adalah untuk mendapatkan keuntungan dan *ibdā'* adalah satu cara untuk mencapainya. *Mudārib* berhak mengupah pekerja. Memberi hak kepada mereka membuat kontrak *ibdā'* adalah lebih baik kerana ia lebih menguntungkan. Mengupah pekerja bererti bertindak mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Sedangkan *ibdā'* ialah mendapatkan perkhidmatan percuma, tanpa bayaran. Sudah tentu ianya lebih baik dilakukan²⁷ Menurut Ibn Qudāmah, ahli *fīqh* mazhab Hanbali sebagai wakil *mudārib* tidak diberi kuasa menjual lebih murah daripada harga biasa dan dia juga tidak boleh membeli pada harga yang lebih mahal yang tidak sanggup dibeli oleh orang ramai.²⁸ Dalam mazhab Syafi'i wakil mestilah membeli dengan mata wang

²⁴ *Ibid.*

²⁵ al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j.5, h. 116; al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 511; Ibn Qudāmah (t.t.), *op. cit.*j.5, h. 43

²⁶ Ibn Qudāmah, *Ibid.*, h. 40; Wahbah al-Zuhaylī (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 4, Damsyik: Dār al-Fikr, j.4, h. 855.

²⁷ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, j. 8, h. 3606-3607.

²⁸ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 43.

negeri berkenaan, kecuali ada keizinan daripada pemilik modal untuk menggunakan mata wang lain²⁹. Sebagai wakil juga jika sesuatu barang yang dijual oleh *mudārib* kepada seorang pembeli. Kemudian pembeli ingin membatalkan pembelian dan menuntut kembali harga barang itu. Sedangkan ditangannya tiada wang tunai, maka dia bolch merujuk kepada pemilik modal untuk membayar kembali harga barang berkenaan. Demikian juga jika dia membeli dengan wangnya sendiri kemudian dia boleh menutut kembali wang itu daripada orang yang melantiknya menjadi wakil³⁰(pemilik modal).

al-Imām Abū Hanīfah membezakan antara wakil dan *mudārib* di mana wakil dilarang membeli daripada anak atau bapanya bagi akaun orang yang membuat perwakilan kerana ianya boleh membawa kepada *tuhmah*. Adapun *mudārib*, dia boleh melakukan demikian kerana tiada *tuhmah*. Perbezaan antara wakil dan *mudārib* ialah *mudārib* berkongsi untung dengan pemilik modal, maka ia menghalangnya daripada bersikap tidak teliti, sekalipun ia bermu'amalah dengan anak atau bapanya. Kerana itu harus dia bermu'amalah dengan mereka dengan harga *mithl*(harga semasa). Manakala wakil pula dia adalah pekerja kepada orang yang melantiknya. Tiada hak baginya dalam apa yang dibelinya dan dia boleh berlaku tidak teliti dalam bermu'amalah dengan mereka. Kerana itu urusniaganya bagi pihak orang yang mewakilkan bersama mereka dianggap tidak lulus sekalipun dia membeli dengan harga *mithl*.³¹

²⁹ al-Syīrāzī (1994) , *op.cit.*, j. 1, h. 464.

³⁰ al-Marghīnānī (t.t) , *op.cit.*,j.3, h. 140 .

³¹ al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, j. 22, h. 58

iii. Sebagai rakan kongsi

Syarikat atau perkongsian berlaku akara daripada akad *mudārabah* setelah urusniaga *mudārabah* mendapat untung. Ertinya pemilik modal dan pengusaha(*mudārib*) berkongsi terhadap keuntungan yang diperoleh. Ini kerana keuntungan diperoleh dengan sebab harta dan kerja. Pemilik modal menyumbangkan harta dan *mudārib* menyumbangkan tenaga. Mereka sama-sama berhak ke atas keuntungan itu. Jika kontrak *mudārabah* itu *fāsid* dia bertukar menjadi kontrak *ijārah* yang *fāsid*. Semua keuntungan menjadi hak pemilik pemodal dan *mudārib* berhak mendapat upah *mithl* sahaja. Jika *mudārib* melakukan perkara yang bertentangan dengan kehendak pemilik modal, maka dia dianggap sebagai perampas kerana dia mengurusniagakan harta orang tanpa kebenaran pemiliknya. Keuntungannya adalah untuk *mudārib*. Dia dikehendaki menjamin ganti rugi terhadap harta modal *mudārabah*. Demikian pendapat Abū Yūsuf. Tetapi pada pendapat Abū Ḥanīfah dan Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Sayybānī bahawa dia tidak berhak ke atas keuntungan itu.³²

2.2. Tanggungjawab *mudārib*

i. Mengurusniagakan harta modal *mudārabah*

Dalam melaksanakan kerja-kerja menguruskan perniagaan *mudārabah*, *mudārib* berkewajipan melakukan sendiri beberapa pekerjaan setakat yang bersesuaian dengan ‘adat seperti membuka lipatan pakaian yang diperniagakan dan melipatnya kembali, membuat tawaran dan penerimaan, menerima harga barang, menimbang benda-benda yang ringan dan sebagainya. Hal ini kerana keizinan mengurus perniagaan yang ada padanya diambil kira pada tahap yang

³² *Ibid*, h. 19; al-Kāṣānī (t.t), *op.cit.*, j 8, h. 3605; al-Marghinānī (t.t), *op.cit.*, j. 3, h. 327.

bersesuaian dengan kgehendaki 'urf ('adat). Pada 'adatnya kerja-kerja scdemikian memang dikgehendaki dilakukan sendiri oleh *mudārib*. Jika kerja-kerja seperti itu diupah kepada orang lain melakukannya,maka kos upah itu hendaklah ditanggung sendiri oleh *mudārib*.Manakala perkara-perkara yang pada 'adatnya tidak dilakukan sendiri oleh *mudārib* seperti membawa barang yang berat atau menimbangnya, maka *mudārib* tidaklah dikedehendaki melakukannya sendiri. Dia boleh menggunakan harta *mudārabah* untuk mengupah orang lain melakukan kerja-kerja berkenaan. Ini kerana kerja-kerja seperti itu pada 'adatnya tidak dilakukan oleh *mudārib*. Sekiranya dia melakukan kerja-kerja itu dengan tenaganya sendiri, dia tidak berhak mendapat upah kerana dia melakukannya secara sukarela.³³

ii. Menyeraikan kembali modal kepada pemiliknya sebelum mengambil keuntungan.

Mudārib dikedehendaki menyerahkan modal *mudārabah* kepada pemiliknya terlebih dahulu selepas diperniagakan, sebelum dia boleh mengambil bahagiannya dalam kuntungan yang diperolehi daripada operasi perniagaan *mudārabah*. Menurut Ibn al-Mundhir ulama' sepakat bahawa pembahagian keuntungan hanya boleh dibuat setelah pemilik modal menerima kembali harta modal miliknya.³⁴ Namun demikian dari segi masa bilakah *mudārib* boleh memiliki keuntungan yang diperoleh daripada perniagaan yang diurus olehnya terdapat pandangan yang berbeda.

³³ Lihat al-Syīrazi (1994) ,*op.cit.*, j.1, h. 506-507. Mengenai tindakan pengurusan yang boleh dibuat oleh *mudārib* mengikut jenis-jenis mandat yang diberikan oleh pemilik modal akan diperkatakan dalam tajuk kecil "hukum *mudārabah* yang berkaitan dengan tindakan pengurusan *mudārib*". Lihat supra h. 90.

³⁴ Ibn al-Mundhir, (1986), *op.cit.*, h. 112.

Sebahagian *fīqahā'* mazhab Hanbali, antara mercika ialah Ibn Qudāmah dan al-Bahūtī berpegangan bahawa *mudārib* berhak memiliki keuntungan ketika keuntungan itu wujud tanpa menunggu ke saat pembahagian sebagai mana orang yang bekerja dalam kontrak *musāqāt* mendapat bahagiannya bila pokok yang dijaganya berbuah. Begitu juga dengan bahagian keuntungan *mudārabah* mestilah ada pemiliknya. Adalah menjadi suatu kemestian (*lāzim*) bagi *mudārib* bolch memiliki keuntungan di masa ia telah ternyata ada. Dia dianggap memilki hak ke atas bahagiannya dalam keuntungan pada ketika itu, kerana itu dia diharuskan menuntut supaya dibahagikan keuntungan berkenaan.³⁵ Namun demikian tidak pula boleh diasing serta dikhususkan sebahagian dari harta itu untuknya sebelum pembahagian akhir dibuat. Ini kerana, perkara sedemikian jika dilakukan bererti *mudārib* akan mendapat hak yang lebih daripada apa yang diperuntukkan kepada dia dalam kontrak *mudārabah* berkenaan.³⁶ Ini juga bermakna bahawa pemulangan harta *mudārabah* kepada pemiliknya menjadi suatu kemestian sebelum keuntungan boleh dibahagikan dan kontrak *mudārabah* dibubarkan.

Menurut al-Imām Abū Ḥanīfah, al-Imām Mālik dan al-Imām al-Syāfi'i dan golongan kedua dalam mazhab Hanbali *mudārib* tidak boleh memiliki bahagiannya dalam keuntungan sehingga keuntungan itu dibahagikan. Ini kerana jika dia memiliki untung itu sebelum pembahagian dibuat, maka keuntungan itu akan menjadi khusus untuknya, dan menjadikan dia bekongsi ke atas harta berkenaan (untung) dengan pemilik modal dalam bentuk syarikat '*inān*'.³⁷ Kalau rosak mana-mana bahagian daripada harta itu, maka ia dianggap

³⁵ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 57; al-Bahūtī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 513.

³⁶ Ibn Qudāmah, *op.cit.*

³⁷ al-Imām Mālik (t.t.), *op.cit.*, h. 606; al-Syaybānī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 29; al-Muzānī, (t.t.), *op.cit.*, h. 122; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 57.

kerosakan kepada harta yang dimiliki oleh dua orang. Sedangkan pada hakikatnya tidak berlaku demikian. *Mudārib* tidak dikira mengalami kerosakan harta. Ini kerana keuntungan adalah penyclamat kepada modal dan kalau sebahagian daripada harta modal rosak ia akan ditampung dengannya. Oleh yang demikian maka *mudārib* tidak menjadi pemilik kepada keuntungan sebelum ianya dibahagikan.³⁸ Ada juga golongan lain dari kalangan mazhab Syafi'i yang berpendapat bahawa *mudārib* boleh memiliki keuntungan apabila ia ternyata ada kerana dia adalah satu daripada pihak yang terlibat dalam kontrak. Dia memiliki hak dalam keuntungan ketika itu sama seperti pemilik modal. Ini berasaskan *qiyās* kepada *musāqāt*.³⁹

Fugahā' sepakat bahawa *mudārib* dikehendaki menyerahkan harta modal *mudārabah* kepada pemiliknya sebelum dia boleh mengambil bahagiannya dalam keuntungan sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak. Penerimaan harta modal oleh pemiliknya adalah menjadi syarat keharusan membahagi keuntungan. Tidak sah dibahagikan keuntungan sebelumnya.⁴⁰ Dalam hal ini al-Sarakhsī dan al-Kāṣānī mengambil asas pegangan sedemikian daripada sabda Rasul Allah s.a.w. :

مَثْلُ الْمُؤْمِنِ مِثْلُ الْمُتَاجِرِ لَا يُسْلِمُ لَهُ رِبْحَةً حَتَّىٰ يُسْلِمَ لَهُ رَأْسُ مَا لِهِ كَذِيلَكَ

الْمُؤْمِنُ لَا تُسْلِمُ لَهُ نَوَافِلَهُ حَتَّىٰ تُسْلِمَ لَهُ عَزَائِمَهُ⁴¹

Yang bermaksud: *Bandingan orang mu'min adalah sama seperti seorang peniaga, tidak boleh diserahkan untung kepadanya*

³⁸ al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*, j.1, h. 508.

³⁹ *Ibid.*; al-Khaṭīb (t.t.), *op.cit.*j.2, h. 318.

⁴⁰ al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*

schinggalah diserahkan lebih dahulu modal kepada pemiliknya. Demikian juga scorang mu'min tidak diserahkan kcpadanya (pahala) 'ibadah sunatnya kecuali setelah diserahkan kepadanya (pahala) 'ibadah fardunya."

Menurut al-Imām Abū Ḥanīfah dan al-Imām Mālik, tidak harus kedua-dua pihak yang berkontrak membuat pengiraan dan membubarkan kontrak *mudārabah* sedangkan harta modal tidak ada di hadapan mereka. Pengiraan dan pembubaran *mudārabah* hanya boleh dilakukan setelah harta *mudārabah* berada dihadapan mereka dan pemilik modal telah memperolehi hartanya (modal *mudārabah*). Setelah itu mereka boleh membahagikan keuntungan mengikut kadar yang ditentukan dalam perjanjian yang telah mereka persetujui.⁴² Ini diakui oleh al-Khiraqī dan Ibn Qudāmah. Mereka mengakui bahawa *muḍarib* tidak berhak mengambil keuntungan sehingga dia menyerahkan harta modal kepada pemiliknya. Dalam sesuatu perniagaan ada kalanya untung dan ada kalanya rugi. Keuntungan digunakan untuk menampung kerugian kerana makna keuntungan ialah lebihan kepada modal dan tidak ada untung untuk *muḍarib* sehingga modal kembali sebagaimana asalnya.⁴³

2.3. Hak *muḍarib* mendapat saraan daripada harta *mudārabah*

Perbincangan *fiqh* berhubung dengan pemberian saraan daripada harta *mudārabah* kepada *muḍarib* adalah berkait secara langsung dengan perjalanan *muḍarib* membawa modal atau barang-barang dagangan *mudārabah* dari satu tempat ke satu tempat. Dalam mazhab Syafi'i *muḍarib* boleh bermusafir dengan

⁴¹ al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, j. 22, h. 105; al-Kāṣānī (t.t), *op.cit.*, j. 8, h. 3652. Hadith ini tidak ditemui dalam mana-mana kitab hadith yang masyhur.

⁴² al-Syaybānī, (t.th.), *op.cit.*, j. 3, h. 29; al-Zurqānī (1979), *op.cit.*, j. 3, h. 359.

⁴³ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 57.; al-Bahūtī (t.t), *op.cit.*, j. 3, h. 517.

membawa harta *mudārabah* apabila ada keizinan daripada pemilik modal.⁴⁴ Manakala dalam mazhab Ḥanafī pula *muḍārib* yang menerima modal, secara *muṭlaq* bolch bermusafir membawa harta *mudārabah* tanpa syarat mendapat keizinan pemilik modal kerana maksud *mudārabah* ialah menyuburkan harta. Maksud itu lebih mudah dicapai dengan membawa harta itu bermusafir. Sumber pengambilan nama *mudārabah* itu sendiri sebagai dalil membenarkannya. *Mudārabah* diambil daripada perkataan “*al-darb*” yang bermaksud berjalan jauh.⁴⁵

Dalam mazhab Hanafī, hak *muḍārib* mendapat saraan daripada harta *mudārabah* wujud apabila dia keluar dari negeri tempat dia mendapatkan modal.⁴⁶ Pada asalnya *muḍārib* tidak berhak mendapatkan saraan daripada harta *mudārabah* kerana berkedudukan seperti wakil dan *mustabdi‘* di mana dia bekerja untuk orang lain dengan keizinan dan dia juga berkedudukan seperti pekerja upahan dari segi memperoleh keuntungan sebagai ganjaran terhadap kerjanya. Semua bentuk kedudukan itu tidak mengizinkannya untuk mendapat saraan daripada harta *mudārabah*. Tetapi *fuqahā'* Haanafī menggunakan kaedah *istihsān*⁴⁷ dengan meninggalkan *qiyās* di atas. Apabila *muḍārib* bermusafir dengan membawa keluar harta daripada negeri di mana modal *mudārabah* itu diperolehi, maka dia berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah*. Jika dia menjalankan perniagaan di negeri yang sama, maka saraannya adalah daripada hartanya sendiri, tidak boleh diambil daripada harta *mudārabah*. Jika dia menggunakan harta *mudārabah* untuk

⁴⁴ al-Nawawi, (1985), j.5, h. 134; al-Khatib (t.t.), *op.cit.*, j.2, h. 321.

⁴⁵ al-Kāṣāñ (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3608.

⁴⁶ Lihat Abū 'Abd Allāh Muhammād ibn al-Ḥasan al-Sayybāñ (1990) , *al-Jāmi' al-Saghīr*, Karachi: Idārah al-Qurān wa al-'Ulūm al-Islāmiyyah, h. 423.

⁴⁷ al-Sarakhsī (t.t.) , *op.cit.*j.22, h. 62.Makna *istihsān* dari segi bahasa ialah menganggap atau memandang baik terhadap sesuatu. Lihat al-Sayyid Murtadā al-Zabidi (1966) , *Taj al-'Arus*, j. 9, Beirut: Dār al-Ṣādir, h. 176. Dari segi istilah *fiqh* menurut al-Karkhī *istihsān* ialah berpalingnya seorang *mujtahid* dari suatu hukum pada suatu masalah dari yang sebanding dengannya kepada hukum yang lain, kerana ada suatu pertimbangan yang lebih utama yang

saraan dirinya semasa di dalam negeri, dia dikhendaki menggantinya kerana keizinan untuk mendapat saraan daripada harta *mudārabah* tidak *thābit* selagi dia masih berada dalam negeri tempat dia mendapatkan modal itu.⁴⁸ *Mudārib*, sebelum mencrima modal *mudārabah* adalah bermuqim di tempat berkenaan. Pada waktu itu saraannya adalah daripada hartanya sendiri. Begitu juga selepas dia menerima modal *mudārabah*.

Kaedah *istihsān* di sini adalah berasaskan bahawa keuntungan hasil daripada *mudārabah* adalah suatu yang belum pasti (jangkaan sahaja). Manusia tidak akan sanggup menanggung kesusahan bermusafir membawa barang milik orang lain dengan faedah yang belum pasti. Sedangkan dia menanggung perbelanjaan dengan wangnya sendiri. Kalau tidak boleh diambil perbelanjaan daripada harta *mudārabah*, tidak akan ada orang yang sanggup menerimanya sedangkan dia sangat berhajat kepadanya. Kesediaan mereka, pemilik modal dan *mudārib* melakukan kontrak *mudārabah* dapat difahami bahawa telah wujud suatu keizinan kepada *mudārib* untuk menerima saraan daripada harta *mudārabah*. *Mudārib* diberi keizinan secara tersirat dalam mendapatkan saraan dan dianggap sama seperti keizinan yang dibuat secara bertulis.⁴⁹

Dengan demikian apabila *mudārib* keluar membawa harta *mudārabah* ke negeri lain, maka dia mendapat hak mengambil harta *mudārabah* untuk perbelanjaan hidupnya dalam perjalanan dan di negeri tempat dia bermiaga. Sebabnya ialah kerana dia keluar untuk menyuburkan harta *mudārabah*. Keuntungannya belum pasti. Berbeza dengan wakil dan *mustabdi'* (orang yang

menghendaki perpalingan. Lihat Husayn Hāmid Hassan (t.t.) , *Nazariyyāt al-Maslahah fī al-Fiqh al-Islām* , Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 585

⁴⁸ al-Kāsānī (t.t.) , *op.cit.*j. 8, h. 3647.

⁴⁹ *Ibid.*

mengambil harta untuk diperniagakan tanpa apa-apa ganjaran untuknya di mana semua keuntungan adalah untuk pemilik modal) kerana kedua-duanya adalah sukarcla. *Mudārabah* juga berbeza dengan *ijārah* kerana ‘ūmil dalam kontrak *ijārah* ada hak mendapat bayaran yang dijamin oleh majikannya dan yakin bolch didapati. Manakala *mudārabah* bukan sukarcla dan tidak juga berhak mendapat ganjaran yang pasti daripada majikan, bahkan haknya dalam keuntungan belum pasti. Keadaan ini memaksa dia diberi saraan, bagi menggalakkan dia bersedia menanggung kesusahan bermusafir membawa harta *mudārabah* untuk diperniagakan. Dalam kes ini *mudārib* sama seperti rakan kongsi dalam syarikat, kerana rakan kongsi apabila bermusafir berhak mendapat saraan daripada harta syarikat.⁵⁰

Keluar daripada negeri tempat mengambil modal, sama ada negeri asalnya sendiri atau bukan, menjadi syarat untuk membolehkan *mudārib* mendapat sara hidup daripada harta *mudārabah*. Apabila sampai ke negeri yang dituju, jika negeri itu negeri asalnya atau di situ ada keluarganya, gugur hak saraannya, kerana dia telah bermuqim di sana bukan lagi kerana harta perniagaan. Jika di situ tiada keluarganya dan bukan negeri asalnya, maka dia berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah* kerana dia berada di sana untuk berniaga. Jika dia menjadikan negeri tempat dia berniaga itu sebagai tempat tinggal tetapnya, maka gugurlah hak saraannya, sama seperti penduduk asal tempat itu.⁵¹ Jika dia pulang ke negeri tempat dia memperolehi modal *mudārabah* dia berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah* sepanjang perjalanan sehingga sampai ke negeri berkenaan. Setelah masuk ke negeri itu, jika negeri itu memang negeri asalnya atau

⁵⁰ Lihat al-Sarakhsī (t.t) *op.cit.*, j 22, h. 62- 63.

⁵¹ al-Kāṣāñī (t.t.) , *op.cit.*,j 8, h. 3647. .

Tambahan pula keperluan kepadanya jarang-jarang berlaku dan bukan menjadi kebiasaan. Tetapi menurut Abū Ḥanīfah bahawa semua perbelanjaan itu boleh diambil daripada harta *mudārabah* kerana harta *mudārabah* semasa dalam perjalanan adalah tempat menampung semua keperluan termasuk perbelanjaan rawatan dan ubat samā' seperti hartanya sendiri.⁵⁶

Dari segi kadar saraan, ianya berasaskan kebiasaan peniaga dengan tidak berlebihan. Jika melebihi had kebiasaan dia mesti membayar ganti rugi terhadap apa yang digunakan lebih dari kebiasaan ('urf) kerana keizinan *thābit* (diambil kira) mengikut apa yang berlaku dalam adat kebiasaan, maka kadar yang diambil kira ialah kadar kebiasaan.⁵⁷ Hak saraan pada kadar ini diberi sama ada pengembalaan *mudārib* membawa modal *mudārabah* atau membawa barang perniagaan *mudārabah* kerana kedua-dua perjalanan itu adalah bertujuan mengurus perniagaan berkenaan. Demikian juga jika *mudārib* pergi ke suatu negeri tetapi tidak bertemu dengan barang yang ingin dibeli dan pulang membawa modal *mudārabah*, dia tetap berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah*. Hal ini kerana perkara sedemikian memang menjadi kebiasaan dalam perniagaan. Ada kalanya boleh menemui barang yang diperlukan pada masa-masa dan tempat-tempat tertentu dan kadang kala tidak dapat menemuinya⁵⁸.

Saraan kepada pembantu pemilik modal dan pengangkutannya apabila dia menolong mereka adalah ditanggung oleh pemilik modal. Jika dia bermusafir bersama *mudārib* bagi menolongnya. Dia tidak berhak menuntut saraan daripada harta *mudārabah* kerana dia bekerja secara sukarela. Jika *mudārib* membelanjakan harta *mudārabah* untuk mereka tanpa izin pemilik modal, dia dikenakan ganti rugi

⁵⁶ al-Sarakhsī (t.t.), *op. cit.*, h. 63.

⁵⁷ al-Kāṣānī (t.t.), *op.cit.*, h. 3650.

⁵⁸ *Ibid.*

daripada hartanya sendiri kerana dia menggunakan harta *muḍārabah* pada jalan yang dia tidak berhak menggunakannya dalam hukum *muḍārabah*. Jika dia menggunakan dengan arahan pemilik modal dikira atas pemilik modal kerana dia bertindak mengikut kehendak tuan punya modal.⁵⁹

Syarat mendapat hak saraan dengan sebab bermusafir mestilah *muḍārabah* itu sah. Tiada saraan dalam *muḍārabah* yang *fāsid*, kerana dia telah bertukar menjadi kontrak upah, di mana *muḍārib* berhak mendapat upah sama ada perniagaan itu untung atau tidak.⁶⁰ Orang yang berhak menerima saraan ialah *muḍārib* bukan *mustabdi'* sama ada dia orang lain atau pemilik modal sendiri kerana dia bekerja secara sukarela. Tidak batal *muḍārabah* apabila *muḍārib* memberi *ibdā'* kepada pemilik modal kerana dia menolong *muḍārib* dalam kerjanya.⁶¹ Jika dalam kontrak *muḍārabah* itu, pemilik modal membeberi mandat kepada *muḍārib* untuk bertindak dalam urusniaga megikut kebijaksanaannya. Dengan mandat ini, maka *muḍārib* berhak bermudārabah dengan orang lain. Jika dia berbuat demikian saraan adalah untuk *muḍārib* kedua, jika ia bermusafir dan membawa harta perniagaan *muḍārabah*. Apabila *muḍārib* mengeluarkan hartanya sendiri dicampurkan dengan harta modal *muḍārabah*, maka dibahagikan saraan itu atas dua harta mengikut nisbah harta masing-masing kerana dia keluar untuk menguruskan dua harta,⁶² iaitu harta milik peribadi *muḍārib* dan harta modal *muḍārabah*.

Apabila pemilik modal melarang *muḍārib* bermusafir membawa harta *muḍārabah* keluar negeri, maka *muḍārib* hendaklah mematuhi larangan itu. Ini

⁵⁹ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j.22, h. 66.

⁶⁰ *Ibid.*, h. 67.

⁶¹ *Ibid.*, h. 66.

⁶² *Ibid.*, h. 67.; al-Kāṣāñī (t.t.), *op.cit.*, j 8, h. 3650.

adalah kerana pemilik modal memang memiliki hak mclarang *muqārib* daripada mengurusniagakan harta itu, maka dia berhak mclarang *muqārib* membawa keluar hartanya. Jika *muqārib* membantah dan membawa juga keluar harta itu dia dikenakan jaminan ganti rugi. Dia tidak berhak mendapat saraan daripada harta *muqārabah*. Saraannya adalah daripada hartanya sendiri. Tctapi jika tidak berlaku kerosakan ke atas harta itu sehingga dia kembali ke negeri asalnya dia terlepas daripada membayar ganti rugi kerana dia telah kembali mematuhi syarat selepas menyalahinya. Kontrak antara mereka masih ada dan dia kembali menjadi pemegang amanah sebagaimana asalnya.⁶³ Ini bererti pelanggaran syarat pemilik modal oleh *muqārib* hanya akan membawa kesan buruk kepada *muqārib* jika berlaku kerosakan ke atas barang yang dibawa bermusafir itu. Jika tidak berlaku kerosakan ke atas harta itu, tidak adak apa-apa hukuman dikenakan ke atas *muqārib*. Kontrak *muqārabah* terus kekal sebagaimana sebelumnya.

Jika pemilik modal mati, maka *muqārib* tidak boleh bermusafir dengan membawa harta *muqārabah* kerana kerelaan pemilik harta kepada *muqārib* untuk bermusafir telah luput dengan kematianya. Harta itu berpindah menjadi milik ahli-ahli waris si mati. Jika dia bawa juga harta *muqārabah* itu bermusafir tanpa persetujuan ahli waris, maka dikenakan jaminan ganti rugi dan dia tidak berhak menuntut saraan daripada harta *muqārabah* berkenaan.⁶⁴

Jika *muqārib* telah keluar membawa harta *muqārabah* ke negeri lain sebelum pemilik modal mati, maka dia tidak perlu membayar ganti rugi dengan kematian pemilik modal, jika perniagaan itu mengalami kerugian. Dia masih berhak mendapat saraan dalam perjalannnya daripada harta *muqārabah* sehingga

⁶³ al-Sarakhsī (t.t) *op.cit.*, j. 22, h. 68-69.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 69

dia sampai ke negeri di mana dia bolch menjual semua barang dagangannya. Jika mengikut kaedah *qiyās*, apabila pemilik modal mati dan pada masa itu *mudārib* berada diluar negeri, lalu dia berpindah ke negeri pemilik modal. Maka dia dikhendaki menjamin ganti rugi jika barang modal itu rosak atau hilang dan dia tidak berhak mendapat saraan daripada harta *muḍārabah* kerana dia membuat perjalanan membawa harta itu setelah kontraknya dengan pemilik modal terbubar dengan kematiannya. Tidak ada keperluan bagi *mudārib* untuk bermusafir dengan harta itu kerana dia berada di tempat yang selamat (aman).⁶⁵

Dengan menggunakan kaedah *istihsān*, *mudārib* boleh meneruskan urusniaga harta *muḍārabah* itu dan dia tidak perlu membayar ganti rugi jika berlaku kerosakan atau kehilangan ke atas harta *muḍārabah*. Dia berhak mendapat saraan daripada harta *muḍārabah* sehingga dia sampai ke negeri pemilik modal kerana tidak dapat tiada dia mesti bermusafir juga untuk menyerahkan kembali harta *muḍārabah* kepada ahli waris pemilik modal dan untuk membolehkan dia mengambil bahagiannya daripada keuntungan. Kontrak *muḍārabah* dianggap terus wujud (kekal) kerana keperluan kepadanya samalah seperti kes tuan punya kapal mati sedangkan kapal berada di tengah laut dan harta *muḍārabah* masih dalam bentuk barang.⁶⁶

Sebagai persamaan dengan kes di atas boleh dilihat dalam kes pemilik modal menghantar seorang utusan kepada *mudārib* memintanya menghentikan perniagaan. Sedangkan di tangan *mudārib* masih ada barang perniagaan yang belum dijual, maka hendaklah dia keluar meninggalkan negeri itu dan pergi ke negeri pemilik modal tanpa dikenakan jaminan ganti rugi. Dia berhak mendapat

⁶⁵ *Ibid*

⁶⁶ *Ibid.*

saraan dalam harta *mudārabah* secara *istihsān* kerana dia terpaksa pulang ke negeri berkenaan untuk mengantar pulang harta modal dan mengambil keuntungan.⁶⁷

Mengenai saraan kepada *muqārib* apabila pemilik modal meninggal dunia, jika kematian pemilik modal itu berlaku semasa harta *mudārabah* di tangan *mudārib* berada dalam bentuk wang tunai, dan ketika itu *mudārib* berada di negeri lain. Kemudian dia kembali ke negeri pemilik modal dengan membawa wang itu dan wang itu binasa dalam perjalanan. Dalam hal ini *mudārib* tidak dikehendaki menjamin pembayaran ganti rugi kerana dia terpaksa membawa pulang wang itu untuk dikembalikan kepada waris si mati. *Mudārib* tidak berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah* kerana kontrak *mudārabah* telah dikira terbubar dengan kematian pemilik modal dalam keadaan di mana harta *mudārabah* berada dalam bentuk wang tunai. Ketika itu harta yang ada di tangan *mudārib* adalah dikira harta *wadi'ah*. Orang yang menyimpan harta *wadi'ah* tidak berhak mendapat saraan daripada harta itu.⁶⁸

Sebaliknya jika harta *mudārabah* di tangan *mudārib* itu dalam bentuk barang, kontrak *mudārabah* dianggap terus kekal sesudah kematian pemilik modal dengan dalil bahawa dia berhak menjual bagi pihak pemilik modal. Dia juga berhak mendapat saraan musafir daripada harta *mudārabah* berkenaan kerana dia tidak dapat mengelak daripada membuat perjalanan untuk memulangkan harta modal itu kepada ahli waris si mati.⁶⁹

Mengenai saraan kepada *mudārib* daripada harta *mudārabah*, dalam keadaan di mana dalam harta *mudārabah* itu masih terdapat hutang yang belum

⁶⁷ *Ibid.*, h. 70.

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ *Ibid.*, h. 71.

dipungut Perniagaan *mudārabah* itu mendapat untung. Dalam perkara ini, *mudārib* bolch dipaksa memungut hutang itu kerana ada bahagiannya daripada keuntungan sebagai ganjaran kerjanya. Pemungutan hutang adalah sebahagian daripada penyempurnaan kerja *mudārib*. Jika dia melaksanakan kerja memungut hutang di negerinya⁷⁰ (tempat tinggalnya) sendiri, segala perbelanjaan yang berkaitan dengannya ditanggung oleh *mudārib* dengan wangnya sendiri. Dia tidak boleh membuat tuntutan kembali daripada harta *mudārabah*. Jika kerja-kerja memungut hutang itu dibuat di luar negeri, semua perbelanjaan yang berkaitan dengannya seperti makanan, penginapan dan kenderaan adalah diambil daripada harta *mudārabah* dengan syarat tidak lebih dari jumlah hutang. Jika lebih dia tidak boleh menuntutnya daripada pemilik modal kerana saraan hanya boleh diambil daripada harta *mudārabah* tidak melampaui kepada harta lain milik pemodal.⁷¹

Apabila dalam harta *mudārabah* terdapat hutang di luar negeri dan urusniaga *mudārabah* itu mendapat untung. *Mudārib* ingin pergi memungutnya dengan menuntut perbelanjaannya daripada harta *mudārabah*. Pemilik modal tidak menyetujuinya dan dia mendorong supaya *mudārib* tidak melakukan pembayaran. Dalam kes ini pemilik modal lebih baik memungut sendiri mengelakkan daripada mengeluarkan perbelanjaan daripada harta *mudārabah*.⁷¹

Dalam mazhab Maliki pula dinyatakan bahawa *mudārib* apabila dia bermukim bersama keluarganya, maka dia tidak berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah*. Dia juga tidak berhak mendapat saraan dalam membuat persediaan untuk tujuan perjalanan sehingga dia memulakan perjalanan. Apabila

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ *Ibid.*, h. 72.

dia berangkat keluar dari negerinya, maka dia berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah* pada kadar yang *ma'rūf* iaitu kadar yang tidak berlebihan semasa pergi dan balik, jika dia membawa harta *mudārabah* sama ada jauh atau dekat, sekalipun dia tidak membeli sesuatu. Setelah sampai ke negerinya, dia tidak lagi berhak mendapat saraan tersebut. Jika *mudārib* keluar dari negerinya dengan membawa harta *mudārabah* kemudian dia berkahwin dengan perempuan negeri itu dan menetap di sana, maka dia juga tidak berhak mendapat saraan. Demikian juga jika dia keluar membawa harta ke negeri yang menjadi tempat tinggal keluarganya, maka dia juga tidak berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah* baik semasa pergi maupun semasa balik, kerana dia pergi menemui keluarganya dan kembali kepada keluarganya.⁷²

Hal ini berbeza dengan apa yang diakui dalam mazhab Hanafi di mana dalam kes ini mereka berpendapat bahawa *mudārib* berhak mendapat saraan pergi dan balik dan tidak berhak mendapatnya semasa dia bermuqim di kedua-dua negeri itu. Alasan mereka dalam hal ini ialah dia bermusafir semasa pergi dan balik adalah dengan tujuan untuk menyuburkan harta *mudārabah*.⁷³

Dalam mazhab Syafi'i para *fugaha* hya bersetuju dengan pandangan mazhab Hanafi dan Maliki bahawa *mudārib* tidak berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah* semasa bermuqim disesuatu negeri. Namun di Kalangan mereka bagi *mudārib* yang bermusafir dengan membawa harta *mudārabah*, ada dua pendapat yang berbeza:

⁷² al-Maghribī (t.t) *op.cit.*j. 5, h. 368.

⁷³ al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, j.22, h. 65.

- a. Pendapat *al-azhar* iaitu pendapat al-Imām al-Syāfi‘ī yang lebih kuat dinisbahkan kepada yang lain yang juga kuat,⁷⁴ menolak pemberian saraan kepada *muqārib* semasa dia bermusafir sama dengan mereka menolaknya semasa bermuqim. Alasan mereka kerana *mudārib* ada bahagiannya dalam keuntungan, maka dia tidak berhak mendapat sesuatu dalam bentuk yang lain daripadanya. Kadang-kadang bermusafir itu perbelanjaannya menyamai jumlah untung. Ini menyebabkan keuntungan itu akan habis diambil oleh *mudārib* sahaja dan kadang-kadang lebih banyak daripada jumlah untung. Ini bermakna *mudārib* mengambil sebahagian modal dan menafikan tujuan kontrak. Oleh yang demikian memberi hak dalam syarat kontrak kepada *mudārib* untuk mendapat saraan daripada harta *muqārabah* adalah batal.
- b. Pendapat golongan kedua pula membenarkan *mudārib* diberi saraan daripada harta *muqārabah* secara yang *ma'rūf* iaitu setakat perbelanjaan yang perlu semasa bermusafir. Kerana dengan bermusafir menyebabkan *mudārib* terfaham daripada berusaha mencari rezeki dengan cara yang lain. Mengembara membawa barang dagangan *muqārabah*, berbeza hukumnya berbanding semasa *mudārib* berada dalam negeri. Perbelanjaan untuk saraan ini diambil dari keuntungan perniagaan. Jika tidak dikira dari keuntungan sahaja pasti akan merugikan pemilik modal⁷⁵.

⁷⁴ Penterjemahan istilah tersebut ke dalam Bahasa Melayu sebagaimana yang disebut di atas adalah hasil dari satu keputusan yang dibuat oleh Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam U.K.M. dalam mesyuaratnya pada 20hb. Mei 1982. Sila lihat, Mat Saad Abdul Rahman (1989) , *Terjemahan Minhāj al-Ṭālibīn*, Shah Alam: Hizbi, h. 27.

Ternyata dalam mazhab Syafi'i, berasaskan pandangan yang *al-azhar* di sisi mereka menolak pemberian hak kepada *mudārib* yang bermusafir untuk mendapat saraan bagi mengelak mereka daripada mengambil habuan lebih banyak daripada apa yang dipersetujui ketika kontrak dibuat. Oleh itu pandangan mereka berbeza daripada pandangan Maliki dan Hanafi. Pandangan golongan kedua dalam mazhab ini juga berbeza daripada Hanafi dan Maliki di mana mereka hanya membenarkan saraan diberi kepada *mudārib* ketika berusafir setakat perbelanjaan yang lebih daripada perbelanjaan semasa bermuqim disebabkan oleh musafir. Misalnya perbelanjaan semasa bermuqim RM100 dan perbelanjaan semasa bermusafir RM150, maka *mudārib* hanya berhak mendapat saraan setakat RM 50 sahaja. Sedangkan Hanafi dan Maliki mengakui hak *mudārib* menuntut pebelanjaan keseluruhannya.

Dalam mazhab Hanbali pula, *fuqahā*'nya sepandapat dengan pandangan pertama daripada mazhab Syafi'i di mana mereka menegah pemberian hak kepada *mudārib* untuk mendapat saraan dalam perjalanan mebawa barang dagangan *mudārabah*. Walaupun demikian ada perbezaan pendapat antara mereka dengan *fuqahā*' Syafi'i mengenai syarat yang boleh mengikat kedua belah pihak dalam kontrak berkenaan. Pada pendapat mereka (*fuqahā*' Hanbali) *mudārib* boleh mendapat saraan dalam masa bermusafir jika disyaratkan sedemikian dalam kontrak. Demikian juga jika pemeberian saraan kepada *mudārib* itu telah menjadi 'adat di kalangan mereka.⁷⁵ Menurut al-Bahūtī "tidak ada hak *mudārib* mendapat saraan daripda harta *mudārabah* sekalipun dia membawa harta *mudārabah* itu

⁷⁵ al-Khatib (t.t.), op.cit., j. 2, h.317

⁷⁶ Ibn Qudāmah (1981) , op.cit.,j. 5, h. 42; Ahīmad ibn Taymīyyah (1995) , *Fiqh al-Mu'amalāt*, Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 233.

bermusafir kerana dia berhak mendapat untung yang mana orang lain tidak berhak ke atasnya. Jika dia berhak mendapat saraan akan membawa kepada mengkhususkan keuntungan untuknya, jika jumlah untung sama banyak dengan jumlah saraan yang digunakan. Kecuali ia dimasukkan dalam syarat kontrak atau telah menjadi ‘adat’. Jika pemilik modal membuat syarat dalam kontrak *mudārabah* bahawa *mudārib* diberi hak saraan dan dia menetapkan kadarnya adalah baik untuk mengelak pertikaian. Jika dia tidak menetapkan kadarnya kemudian mereka bertikai mengenainya, maka untuk penyelesaianya *mudārib* berhak mendapat saraan mengikut kadar semasa berasaskan ‘urf daripada makanan dan pakaian’⁷⁷.

Mudārib, pada pandangan mereka boleh meminta disyaratkan saraan untuknya semasa berada di negerinya atau semasa bermusafir kerana berniaga dalam negeri adalah sama seperti berniaga di luar negeri, maka sah dia menuntut disyaratkan saraan diberi kepadanya sama seperti ketika dia bermusafir. Syarat saraan ini sebagai balasan kepada kerjanya, maka ia dikira sah. *Fuqahā'* Hanbal mengharuskan pensyaratkan saraan kepada *mudārib* kerana mereka menganggap *mudārib* ketika itu sama dengan orang yang diupah. Menurut al-Imām Ahmad ibn Ḥanbal “apabila disyaratkan saraan maka jadilah dia sebagai orang yang diupah, maka dia tidak boleh mengambil harta daripada seseorang secara *ibdā'* kerana dia telah dibebankan dengan tugas menguruskan perniagaan *mudārabah*. Jika dia tidak begitu sibuk dalam mengendalikan perniagaan *mudārabah* itu, saya masih tidak suka dia melakukannya kecuali dengan keizinan pemilik modal, kerana dia memang semestinya mempunyai bebanan kerja yang banyak. Meminta izin hanyalah suatu cara mengambil hati. Jika dia mengambil *ibdā'* tanpa meminta izin

⁷⁷ al-Bahūtī (t.t) , *op.cit.*, j. 3, h. 516.

kepada pemilik modal, dalam keadaan dia tidak begitu sibuk, maka dia boleh berbuat demikian kerana ianya tidak membawa mudarat ke atas pemilik modal”⁷⁸.

Mazhab Hanbali juga berpendapat bahawa di antara hak *mudārib* ialah menuntut bayaran kembali daripada harta *mudārabah* ke atas apa yang dibelanjakannya daripada hartanya sendiri. Dia boleh mengambilnya daripada harta *mudārabah* yang ada dalam tangannya atau dia boleh merujuk kepada pemilik modal untuk memperolehnnya kerana dia adalah pemegang amanah. Kenyataan lisannya boleh diterima dalam tuntutannya ke atas harta miliknya sendiri dalam harta perniagaan *mudārabah* itu. Dalam membuat tuntutan ke atas harta *mudārabah* ketika harta itu berada dalam tangannya, kedudukannya sama seperti *wāṣi* apabila dia mendakwa telah memberi nafqah daripada hartanya sendiri kepada anak yatim.⁷⁹ kenyataan lisannya dalam menuntut kembali hartanya yang telah didahulukannya itu adalah diterima.

3. Hukum *mudārabah* yang berkaitan dengan tindakan pengurusan *mudārib*

Hukum *mudārabah* yang sah juga dapat dilihat dari aspek yang bersangkutan dengan karja-kerja *mudārib* dalam kontrak berkenaan sama ada yang boleh dilakukan atau yang tidak boleh dilakukan olehnya mengikut ketentuan kontrak. Dalam perkara ini kontrak *mudārabah* boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *mudārabah muṭlaqah* dan *mudārabah muqayyadah*.⁸⁰ Berikut adalah perbincangan lanjut mengenainya.

3.1. *Mudārabah muṭlaqah*

Mudārabah muṭlaqah ialah kontrak *mudārabah* yang tidak terikat dengan masa, tidak terikat dengan tempat, tidak terikat dengan jenis-jenis perniagaan

⁷⁸ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 57.

⁷⁹ *Ibid*, h .79.

⁸⁰ al-Kāṣāñī (t.t), *op.cit.*, j.8, h.3605.

dan tidak dikhkusukan pembeli dan penjual. Contoh penawaran kontrak ini seperti pemilik modal berkata kepada *mudārib* “saya srahan harta ini kepada engkau sebagai modal *mudārabah* dan keuntungannya menjadi perkongsian antara kita pada kadar 1/2”. *Mudārabah muflaqah* dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu *mudārabah muflaqah* yang telah menjadi ‘adat kebiasaan ; *mudārabah muflaqah* bersama mandat am dan *mudārabah muflaqah* yang disertai dengan keizinan khas.

a. *Mudārabah muflaqah* yang telah menjadi ‘adat biasa .

Kontrak *mudārabah* jenis ini bermaksud pemilik modal menyerahkan wang modal *mudārabah* kepada *mudārib* secara *muflaq* untuk membolehkan *mudārib* melaksanakan urusniaga harta modal yang diamanahkan kepadanya itu. *Mudārib* boleh mencebur semua bidang kerja yang menjadi kebiasaan peniaga melakukannya bagi mencapai tujuan atas kontrak iaitu memperolehi keuntungan. Dalam kontrak *mudārabah* jenis ini, *mudārib* tidak boleh melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan beresiko tinggi yang boleh mendedahkan harta modal kepada bahaya kerosakan dan kerugian. *Mudārib* juga tidak boleh melibatkan diri dalam perniagaan yang boleh menyebabkan wujudnya hak yang boleh dituntut oleh pihak lain dalam harta itu dengan membuat pembelian secara hutang. Pembelian dengan cara berhutang hanya boleh dilakukan oleh *mudārib* jika ada keizinan khas untuk tujuan itu yang dinyatakan dalam kontrak berkenaan.⁸¹ Ini bererti kontrak *mudārabah* itu bukan lagi pada peringkat ‘adat biasa.

Kuasa urusniaga *mudārib* selepas termeterainya kontrak *mudārabah* jenis ini berkisar disekitar kebiasaan peniaga. Ini meliputi kuasa membeli dengan tidak megalami kerugian yang besar, iaitu pada paras kerugian yang bersedia

⁸¹ *Ibid.*, h. 3615.

ditanggung oleh orang ramai (*bimā yataghāban al-nās*). Jika *muḍārib* membeli barang pada harga yang bolch membawa kerugian yang keji(*ghabn fāhisy*),⁸² maka pembelian itu adalah untuk dirinya bukan untuk perniagaan *muḍārabah*, kerana kedudukan *muḍārib* sama seperti wakil dalam urusan membeli.⁸³ Menurut Abu Ḥanīfah *muḍārib* bolch menjual secara tunai dan tangguh, malah bolch menjual sekalipun dengan harga yang bolch membawa kerugian yang keji, kerana *muḍārabah* lebih umum daripada perwakilan. Namun pandangan ini tidak depersetuju i oleh dua pengikutnya yang juga muridnya iaitu Abū Yūsuf dan al-Syaybānī. Pada pandangan mereka *muḍārib* tidak bolch menjual dengan harga tangguh dan juga tidak boleh menjual dengan harga yang boleh menyebabkan kerugian yang besar. Tugas *muḍārib* dalam hal ini adalah menyamai tugas seorang wakil.⁸⁴

Dalam kontrak *muḍārabah* jenis ini juga *muḍārib* boleh menerima *hiwālah* (pindahan hutang, seperti *muḍārib* menerima pembelian pelanggan dengan menggunakan kad kredit), melantik wakil, menyimpan harta *muḍārabah* secara *wadi'ah*, menggadai dan menerima gadaian, mengupah pekerja, bermusafir ke negeri lain untuk membeli dan menjual kerana aktiviti demikian adalah suatu asas penting kepada urusan perniagaan yang lazim bagi mendapatkan keuntungan yang menjadi tujuan akad *muḍārabah*. *Muḍārib* juga boleh menyerahkan harta

⁸² Perkataan “*al-ghabn al-fāhisy*” bermaksud kerugian yang berlaku pada kadar yang tidak termasuk dalam penilaian juru nilai atau ketentuan pakar. Misalnya suatu barang perniagaan yang dibeli pada harga RM 100, tetapi penurut penilaian yang dibuat oleh orang yang benar-benar tahu tentang harga barang berkenaan bahawa harga sebenar barang itu kurang daripada RM 95. Sekiranya yang dibeli itu jenis binatang, jika harga belian itu 10% lebih tinggi daripada harga yang dinilai oleh para pakar atau juru nilai, maka harga sedemikian dikatakan sebagai harga yang membawa *al-ghabn al-fāhisy*. Ketentuan ini berdasarkan ketetapan dalam Majalah al-Aḥkam al-‘Adfiyyah, iaitu undang-undang perdagangan Empayar Uthmaniyyah, Turki. Lihat Md Akhir Yaacob (1994), op.cit., per. 165; al-Zuhaylī (1989), op.cit.j. 4, h. 221.

⁸³ *Ibid*, ‘Iz al-Dīn Muḥammad Khūjah (1993), *al-Muḍārabah al-Syar’iyah (al-Qirād)*, Dallah al-Barakah, h. 75

⁸⁴ al-Kāṣānī (t.t) , op.cit., j. 8 , h. 3606.

modal *mudārabah* kepada orang lain untuk diperniagakan secara *ibdā'* kerana *ibdā'* adalah suatu kebiasaan ahli perniagaan, sesuai dengan tujuan kontrak *mudārabah* untuk mencari keuntungan. Penyerahan harta secara *ibdā'* adalah satu cara ke arah itu. Dalam kontrak *ibdā'* tenaga pengurusan diperolehi secara percuma, di mana pihak yang mengendalikan perniagaan tidak diberi apa-apa bayaran.⁸⁵

Dalam kontrak *mudārabah* secara *mu'lqah* peringkat ‘adat biasa ini di mana tiada penyerahan mandat daripada pemilik kepada *mudārib* supaya dia bertindak menguruskan perniagaan *mudārabah* mengikut kebijaksanaanya. Kerana itu *mudārib* tidak boleh bertindak di luar daripada ‘adat kebiasaan dalam perniagaan *mudārabah mu'lqah*. Dengan demikian dia tidak boleh melakukan kontrak *mudārabah* dengan *mudārib* lain ke atas harta modal *mudārabah* yang ada dalam tangannya. Ini kerana untuk menyerahkan harta *mudārabah* kepada *mudārib* lain memerlukan kepada keizinan dalam bentuk mandat umum daripada pemilik modal. Tetapi jika *mudārib* bertindak melakukan juga perkara tersebut dengan menyerahkan harta *mudārabah* kepada orang lain atas dasar kontrak *mudārabah* juga tanpa izin pemilik modal, maka dalam hal ini tidaklah perlu bagi *mudārib* pertama menjamin pembayaran kembali modal *mudārabah* kerana tindakannya itu. Ini bermakna bahawa jika harta modal yang diserahkan kepada *mudārib* kedua itu rosak setelah penerimaannya, *mudārib* pertama tidak dikehendaki menjamin keselamatan modal berkenaan kerana perkara ini sama seperti *wadi'ah* dan *mudārib* memang diharuskan mewadi'ahkan harta *mudārabah*. Hukum seperti ini

⁸⁵ *Ibid.*

berlaku sekiranya *muqārib* kedua belum melaksanakan kerja mengurusniagakan modal *mudārabah* berkenaan.⁸⁶

Sekiranya *muqārib* kedua telah melaksanakan kerja *mudārabah*, dengan membeli, menjual dan sebagainya, maka dalam keadaan ini *muqārib* pertama atau *muqārib* kedua mesti⁸⁷ menjamin ganti rugi sekiranya berlaku kerugian dan dengan syarat bahawa kontrak *mudārabah* itu sah. Dalam hal ini pemilik modal boleh menuntut ganti rugi sama ada daripada *muqārib* pertama atau *mudārib* kedua. Dia boleh menuntut ganti rugi daripada *muqārib* pertama kerana dia telah melampaui had ke atas harta itu dengan memberinya kepada orang lain tanpa keizinan tuan punyanya. Dia juga boleh menuntutnya daripada *muqārib* kedua kerana *muqārib* kedua telah menerima dan memperniagakan harta orang lain (pemilik modal) tanpa keizinan tuan punyanya.⁸⁷

Tuntutan jaminan ganti rugi di sini terbatas setakat modal sahaja kerana dengan kerja *muqārib* kedua menjadikan harta itu harta rampasan dan hak pemilik ke atas harta rampasan hanya setakat gantian harta itu sahaja dan tiada hak baginya menuntut jaminan keuntungan. Jika *muqārib* pertama membayar ganti rugi, maka dia tidak boleh merujuk kepada *muqārib* kedua untuk mendapat kembali bayaran ganti rugi yang dibuat olehnya (*muqārib* pertama) kepada pemilik modal. *Mudārabah* antara mereka dianggap sah dan untung dibahagi antara mereka berdua mengikut persetujuan yang telah dicapai antara mereka. Jika *muqārib* kedua yang membayar ganti rugi kepada pemilik modal, maka dia boleh merujuk kepada *muqārib* pertama untuk mendapat kembali bayaran ganti rugi yang dibuatnya kepada pemilik modal, kerana dia telah diperdaya oleh *muqārib*

⁸⁶ *Ibid.* h. 3625.

⁸⁷ *Ibid.* h. 3626

pertama untuk melakukan kontrak berkenaan. Ini boleh dilakukan jika kedua-dua kontrak *mudārabah* itu sah⁸⁸.

Jika kontrak *mudārabah* itu hanya sah pada yang pertama sahaja dan yang kedua *fāsid*, maka tidak ada sebarang ganti rugi daripada *mudārib* pertama dan yang kedua. *Mudārib* kedua berhak mendapat upah dan untung dibahagikan antara pemilik modal dan *mudārib* pertama. Jika *mudārabah* pertama *fāsid* dan *mudārabah* kedua sah, tidak ada sebarang ganti rugi (*damān*) ke atas seorang pun daripada mereka dan untung semuanya untuk pemilik modal dan untuk *mudārib* pertama boleh mendapat upah. Bagi *mudārib* kedua, dia berhak mendapat untung, daripada *mudārib* pertama pada kadar yang dipersetujuinya dalam akad *mudārabah* antara mereka kerana dia melaksanakan kerja *mudārabah* dalam akad yang sah. Jika akad *mudārabah* pertama *fāsid* dan yang kedua juga *fāsid*, kedua-dua *mudārib* hanya berhak menuntut upah sahaja dan semua keuntungan adalah milik pemodal.⁸⁹

a. i. Jualan dengan harga tangguh

Mengenai jualan dengan harganya yang dibayar secara bertangguh dalam kontrak *mudārabah mutlaqah* yang berbentuk ‘adat kebiasaan ini terdapat perbezaan pendapat dari kalangan *fuqahā’* mazhab *Sunnī* berhubung dengannya. Hal ini kerana dalam kontrak jualan dengan harga tangguh ini terdapat bahaya dari segi kemungkinan harta modal itu akan hilang apabila harga jualan itu tidak dapat diperolehi disebabkan kegagalan pihak pembeli membuat bayaran. Pada pandangan *fuqahā’* Hanafi harus menjual secara tangguh kerana ia adalah sebahagian daripada pekerjaan peniaga dan lebih dekat kepada menghasilkan

⁸⁸ al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*j. 22 , h. 98.

⁸⁹ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*j.8, h. 3628

maksud pemilik modal iaitu mendapatkan keuntungan. Keuntungan yang lebih tinggi pada kebiasaannya dihasilkan dengan jualan dengan harga tangguh, bukan harga tunai. Penguasaan *muḍārib* ke atas harta tidak menjadi tujuan. Yang menjadi tujuannya ialah menghasilkan keuntungan dengan jalan perniagaan.⁹⁰ Dalil yang menunjukkan bahawa jualan secara tangguh adalah suatu perniagaan ialah firman Allah:

لَا إِنْ تَكُونُنَّ بِخَرَّةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بِينَكُمْ

سُورَةُ الْبَقْرَةِ (2) : 282

Bermaksud: *Kecuali ia adalah satu perniagaan yang hadir yang berkisar antara kamu.*

Ini menunjukkan bahawa perniagaan kadangkala berlaku secara *ghaib*, di mana salah satu pihak yang berkontrak berada di tempat lain dan mereka tidak dapat bersemuka dan tidak akan terlaksana kontrak jual beli sedemikian kecuali dengan menjual secara tangguh.⁹¹ Bagi *muḍārib*, mereka hendaklah menjual barang dan menyerahkannya kepada pembeli dan menta'khirkan penerimaan harga. Kerana ini adalah sebahagian daripada kerja peniaga. *Muḍārib* berhak membuat apa-apa kerja yang menjadi sebahagian daripada pekerjaan peniaga, kerana dia seperti wakil, bahkan lebih dari itu kerana dia akan berkongsi keuntungan. Tetapi *muḍārib* tidaklah boleh memberi tempoh sehingga ke suatu masa yang tidak biasa dilakukan oleh peniaga.⁹²

⁹⁰ al-Sarakhsī, (t.t) *op.cit.*j. 2 , h. 38.

⁹¹ *Ibid.*, h. 28.

⁹² Abū Muhammad Maḥmūd ibn Aḥmad al-'Aynī (1981) , *al-Bināyah fī Syarh al-Hidāyah*, Dār al-Fikr, h. 702.

Dalam mazhab Hanafi juga jika pemilik modal menyerahkan modal *muḍārabah* kepada *muḍārib* dengan mengenakan syarat supaya dia membeli dengan harga tunai, maka *muḍārib* tidak bolch membeli kecuali dengan tunai. Ini kerana syarat tersebut adalah satu *qayyid* yang memberi faedah kepada pemilik modal, terjamin hartanya dan dia merasa tenang semasa harta itu berada di tangan *muḍārib*. Sebaliknya kalau pemilik modal menyuruh *muḍārib* menjual secara harga tangguh dan tidak membencarkannya menjual secara tunai. Dalam kes ini harus bagi *muḍārib* menjualnya secara tunai kerana ia adalah lebih baik untuk pemilik modal. Keharusan ini terbatas kepada penjualan secara tunai dengan harga yang sama, atau dengan harga yang ditentukan atau dengan harga yang lebih mahal daripadanya. Jika dia menjual dengan harga yang lebih murah, maka dia menyalahi kehendak kontrak kerana tidak menghasilkan maksud pemilik modal.⁹³

Fuqahā' mazhab Maliki melarang *muḍārib* daripada menjual secara *nasi'ah* iaitu dengan harga yang ditangguhkan ke suatu masa kemudian tanpa izin pemilik modal. Jika *muḍārib* melakukan juga perkara tersebut, maka dia dikenakan ganti rugi, jika berlaku kerugian, kerana dia mendedahkan modal kepada kehilangan.⁹⁴ Membeli secara *nasi'ah* (tangguh) juga adalah dilarang sekalipun dengan keizinan pemilik modal. Ia dilarang semata-mata kerana pemilik modal mendapat untung dalam keadaan tiada jaminan (*ḍamān*). Rasul Allah s.'a. w.melarang daripada melakukan demikian. Jika *muḍārib* melakukannya juga, maka keuntungan adalah untuknya seorang, tiada sebarang

⁹³ al- Sarakhsī (t.t) , *op.cit.* j. 22 , h. 44-45.

⁹⁴ al-Dusūqī.(t.t), *op.cit.*, j. 3, h. 426.

bahagian untuk pemilik modal kerana tidak ada keuntungan bagi mereka yang tiada *damān*,⁹⁵ iaitu kesediaan menanggung risiko.

Pada pandangan *fiqahā'* Syafī'i, *mudārib* tidak boleh menjual dengan cara *nasi'ah* tanpa kebenaran daripada pemilik modal, kerana kemungkinan berlaku kerosakan pada modal. Ini memudharatkan pemilik modal. Jika diizinkan, *mudārib* harus berbuat demikian, dan wajib mengadakan saksi ketika menjual secara *nasi'ah*. Namun demikian dalam keadaan diizinkan oleh pemilik modal kepada *mudārib* untuk membuat jualan secara *nasi'ah*, *mudārib* tidak pula boleh membeli dan menjual secara *salam*⁹⁶ kerana dalam akad *salam* terdapat banyak kemungkinan *gharar*. Tetapi jika diizinkan berbuat demikian *mudārib* boleh membeli dan menjual secara *salam*, kerana adanya keredaan kedua belah pihak⁹⁷

Dalam mazhab Hanbali mengenai jualan secara *nasi'ah* terdapat dua pendapat: Pendapat pertama menyatakan bahawa *mudārib* tidak boleh berbuat demikian kerana dia mengantikan tempat pemilik modal dalam menjual, tidak harus dia membuat jualan secara *nasi'ah* kecuali dengan ada keizinan nyata padanya seperti wakil, kerana pengagnti tidak harus melakukan urusniaga kecuali mesti cermat dan berhati-hati. Dalam belian secara *nasi'ah* terdapat *gharar*. Kontrak *mudārabah* secara *muṭlaq* menimbulkan tanggapan scolah-olah pemilik modal menghendaki supaya jualan dibuat secara tunai.⁹⁸

Pendapat kedua menyatakan bahawa harus menjual secara *nasi'ah* kerana keizinannya dalam perniagaan dan *mudārabah* berpindah kepada

⁹⁵ *Ibid.* 328.

⁹⁶ Jual *salam* bererti menjual secara tempahan dengan cara mendahuluikan harga dan ditangguhkan penyerahan barang ke suatu tempoh. Lihat al-Sayykh Muḥammad ‘Alisy, dalam al-Dusūqi (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 195.

⁹⁷ al-Khaṭīb (t.t.) *op.cit.*, j.2, h. 215.

⁹⁸ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 40.

perniagaan yang biasa. Jualan secara *nasi'ah* adalah 'adat dalam perniagaan. Ia bertujuan mencari keuntungan dan keuntungan dalam jualan secara *nasi'ah* adalah lebih besar. Di sifatnya terletaknya perbezaan antara perwakilan dan *muqārabah*. Sedangkan tujuan perwakilan ialah menghasilkan harga sahaja. Apabila berjaya menghasilkannya tanpa bahaya adalah lebih baik. Tujuan *muqārabah* pula ialah mendapatkan keuntungan. Perwakilan mutlak dalam jualan menunjukkan atas khendak orang yang mewakilkan kepada harga tunai, maka tidak harus dilambatkan. Berbeza dengan *muqārabah*,⁹⁹ di mana ia bertujuan untuk menghasilkan keuntungan. Oleh itu diharuskan jualan dibuat secara *nasi'ah*.

Berasaskan kepada pendapat pertama, jualan menjadi batal kerana dia membuat perkara yang tidak diizinkan untuk dia melakukannya. Pendapat kedua pula jualannya sah, kalau tidak dapat kembali harganya, tidak perlu dia menjamin harta modal melainkan dia keterlaluan atau cuai dalam pengurusan dengan menjual kepada orang yang tidak boleh dipercayai atau orang yang tidak dikenali. Oleh itu maka dia diwajibkan membayar ganti rugi kepada pemilik modal¹⁰⁰. Dari sini nyatahalah bahawa mazhab Hanafi dan pendapat kedua dalam mazhab Hanbali paling mudah antara mazhab-mazhab *Sunnī* dalam memberi tolak ansur (kemudahan) kepada *muqārib* untuk menjual secara *nasi'ah* sesuai dengan apa yang berlaku secara bebiasaan.

b. *Muqārabah mutlaqah* bersama penyerahan mandat secara am.

Kontrak *muqārabah* jenis ini bermaksud pemilik modal menyerahkan wang modal *muqārabah* kepada *muqārib* dengan memberi mandat kepadanya melakukan urusan pengendalian perniagaan mengikut apa yang difikirkan

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ *Ibid.* h. 35-36.

sesuai bagi mencapai maksud memperoleh keuntungan tanpa mengenakan sebarang syarat tambahan (*qayyid*). Dalam kontrak jenis ini, *mudārib* memiliki kuasa bertindak mengurusniagakan harta *mudārabah* mengikut ‘adat yang menjadi kebiasaan di kalangan peniaga yang boleh mendatangkan kebaikan untuk perniagaan *mudārabah*. Termasuk di bawah mandat am ini ialah perkara-perkara yang tidak termasuk dalam kuasa *mudārib* dalam kontrak *mudārabah* yang menjadi kebiasaan (seperti dalam para “a” di atas). Misalnya seperti melibatkan harta *mudārabah* dalam perniagaan dengan cara syarikat bersama rakan kongsi lain, mencampurkan harta *mudārabah* dengan harta miliknya sendiri dan melakukan kontrak *mudārabah* terhadap harta modal berkenaan dengan *mudārib* lain.¹⁰¹

Apabila *mudārib* menerima mandat daripada pemilik modal supaya dia bertindak mengurusniagakan harta *mudārabah* mengikut kebijaksanaannya. Contohnya seperti pemilik modal berkata kepada *mudārib* “buatlah kerja mengikut budibicara atau kebijaksanaan kamu”. Dengan mandat seperti ini menjadikan kontarak itu terbuka kepada *mudārabah* dan syarikat dan boleh digabung harta peribadi *mudārib* dengan harta modal *mudārabah*. Tidak boleh berlaku mana-mana satu daripada kontrak tersebut semata-mata dengan akad *mudārabah* tanpa ada penyerahan daripada pemilik modal kepada *mudārib* supaya melaksanakan kerjanya mengikut budibcaranya. Sebabnya kerana dengan hanya melakukan kontrak *mudārabah* secara *muflaq*, *mudārib* tidak boleh bertindak melakukan kontarak *mudārabah* dengan *mudārib* lain dengan menggunakan modal *mudārabah* yang ada kerana kedua-duanya setara, kedua-duanya *mudārabah*.

¹⁰¹ al-Kāsānī (t.t.) ,*op.cit*, j. 8, h. 3625.

Dengan kontrak yang dibuat secara *mutlaq* di peringkat ‘adat biasa juga *mudārib* tidak bolch menubuhkan syarikat kerana syarikat melebihi daripada taraf *mudārabah*. Syarikat adalah perkongsian diperingkat modal dan untung sedangkan *mudārabah* hanya perkongsian diperingkat untung sahaja. Mencampurkan harta *mudārabah* juga tidak bolch kerana ini akan menyebabkan wujudnya hak pihak lain membuat tuntutan ke atas harta *mudārabah*. Kerana itu tidak harus berlaku satu daripada tiga perkara ini dengan semata-mata akad *mudārabah mutlaqah* secara ‘adat biasa. Maka kerana itu ia memerlukan kepada suatu penyerahan supaya *mudārib* menguruskan perniagaan *mudārabah* mengikut budibicaranya atau dengan dokumen kontrak yang jelas.¹⁰² Berikut adalah beberapa tindakan yang bolch diambil oleh *mudārib* setelah mendapat penyerahan modal oleh pemiliknya dengan arahan supaya dia bertindak mengurusniagakan wang modal mengikut kebijaksanaannya:

i. Membuat kontrak *mudārabah* dengan pihak lain

Dalam mazhab Hanafi apabila pemilik modal memberi keizinan kepada *mudārib* secara terang untuk melakukan sesuatu tindakan tertentu atau menyerahkan kepadanya supaya dia bekerja mengikut kebijaksanaannya, maka bermakna dia menyerahkan modal *mudārabah* secara *mutlaq*, sama ada cara itu menjadi kebiasaan dalam negeri berkenaan atau tidak. Seterusnya apabila *mudārib* menyerahkan harta modal *mudārabah* kepada *mudārib* kedua, maka syarat-syarat yang dipersetujuinya dengan *mudārib* kedua adalah diambil kira. Hal ini tidak memberi kesan kepada bahagian keuntungan pemilik modal daripada keuntungan *mudārabah* kedua. Sebagai contoh, jika dalam akad

¹⁰² *Ibid.*

muḍārabah pertama telah dipersetujui bahawa separuh (1/2) keuntungan adalah untuk pemilik modal; dan syarat *muḍārib* pertama untuk *muḍārib* kedua pula ialah 1/3 untuk *muḍārib* kedua. Setelah perniagaan selesai dan kontrak *muḍārabah* hendak dibubarkan, maka kurntungan dibahagikan 1/2 untuk pemilik modal, 1/3 untuk *muḍārib* kedua dan bakinya 1/6 untuk *muḍārib* pertama. Ini adalah bahagian yang halal untuknya kerana keterlibatannya dalam kedua-dua akad tersebut, sekalipun dia tidak melakukan sebarang kerja. Hal ini sama dengan jika dia mengibdā' kan harta *muḍārabah* itu kepada orang lain dan dia berhak mendapat keuntungan darinya sekalipun dia tidak membuat apa-apa kerja¹⁰³. Jika dalam *muḍārabah* pertama diperuntukan 1/2 keuntungan untuk pemilik modal dan 1/2 lagi untuk *muḍārib* pertama dan *muḍārib* pertama menetapkan syarat keuntungan untuk *muḍārib* kedua sebayak 1/2 dalam *muḍārabah* kedua, maka keuntungan hanya dibahagikan kepada pemilik modal dan *muḍārib* kedua tanpa apa-apa bahagian untuk *muḍārib* pertama. Ini diakui oleh mazhab Hanafi¹⁰⁴.

Dalam mazhab Maliki, *muḍārib* tidak boleh bertindak membuat kontrak *muḍārabah* dengan *muḍārib* lain kecuali dengan arahan daripada pemilik modal. Demikian juga dengan kontrak syarikat, *muḍārib* tidak boleh berbuat demikian dengan harta modal *muḍārabah* tanpa perintah daripada pemilik modal.¹⁰⁵ Sekiranya ‘āmil *qirād* (*muḍārabah*) menyerahkan modal *qirād* kepada ‘āmil (*muḍārib*) yang lain dengan akad *qirād* tanpa keizinan daripada pemilik modal, jika berlaku kerugian atau kerosakan, maka ganti rugi adalah menjadi tanggungjawab ‘āmil pertama. Jika untung ‘āmil pertama tidak mendapat

¹⁰³ al- Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j.22, h. 102.

¹⁰⁴ *Ibid.*, h.103; Syarf al-Dīn (1974), *op. cit.*, h. 26.

¹⁰⁵ al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j.5, h. 104.

sebarang bahagian dalam keuntungan itu. Keuntungan hanya diagihkan antara pemilik modal dan ‘āmil kedua. Jika ‘āmil pertama mensyaratkan keuntungan untuk ‘āmil kedua sama seperti yang disyaratkan untuknya dalam *qirād* pertama oleh pemilik modal, maka agihan keuntungan untuk pemilik modal dan ‘āmil kedua adalah dilakukan mengikut persetujuan itu.¹⁰⁶

Dalam mazhab Maliki juga jika dalam *muḍārabah* kedua, ‘āmil (*muḍārib*) pertama memperuntukkan keuntungan untuk ‘āmil kedua lebih banyak daripada apa yang diperuntukkan kepadanya oleh pemilik modal dalam *muḍārabah* pertama. Maka dalam perkara ini dia terpaksa menanggung kerugian dengan membuat pembayaran keuntungan yang lebih itu kepada ‘āmil kedua. Keuntungan *muḍārabah* kedua itu adalah untuk pemilik modal dan ‘āmil kedua sahaja. Tidak ada apa-apa bahagian dari keuntungan untuk ‘āmil pertama kerana *qirād* menyerupai upah (*ji夫*) dan tidak ada hak menuntutnya kecuali setelah menyelesaikan kerja. Kerana ‘āmil pertama tidak membuat sebarang kerja, maka tiada sebarang keuntungan untuknya. Jika peruntukan bahagian keuntungan untuk *muḍārib* kedua dalam kontrak *muḍārabah* kedua lebih kecil nisbahnya daripada keuntungan yang diperuntukkan untuk *muḍārib* pertama dalam kontrak *muḍārabah* pertama, maka lebihannya adalah untuk pemilik modal bukan untuk ‘āmil pertama. Apabila *muḍārabah* kedua tidak mendapat sebarang keuntungan, maka tidak ada apa-apa bahagian untuk ‘āmil kedua sesuai dengan asal kaedah *muḍārabah* yang tidak memberikan sebarang ganjaran kepada ‘āmil jika perniagaan *muḍārabah* itu rugi. ‘Āmil pertama tidak mendapat apa-apa kerana

¹⁰⁶ al-Zurqānī (1979), *op.cit.*, j.3, h. 355.

dia telah bertindak lebih dari yang dibenarkan dan tidak melakukan sebarang kerja terhadap modal *mudārabah*¹⁰⁷.

‘Āmil pertama, apabila dia telah menjalankan perniagaan dan mengalami kerugian, kemudian dia menyerahkan modal *mudārabah* itu kepada ‘āmil kedua untuk menyambung perniagaan dalam bentuk kontrak *mudārabah* kedua. ‘Āmil kedua terus melaksanakan urusniaga modal *mudārabah* itu tanpa mendapat kebenaran daripada pemilik modal dan dia mendapat untung. Dalam hal ini pemilik modal bolch merujuk kepada ‘āmil kedua untuk mendapatkan kembali modal miliknya dan bahagiannya daripada keuntungan perniagaan itu. ‘Āmil kedua hendaklah merujuk kepada ‘āmil pertama untuk mendapatkan kepastian tentang kadar keuntungan untuk pemilik modal. Contoh pengiraan : apabila pemilik harta menyerahkan harta *qirād* kepada ‘āmil pertama sebanyak RM 80. Setelah diperniagakan rugi sebanyak RM 40. Baki modal sebanyak RM 40 diserahkan oleh ‘āmil pertama kepada ‘āmil kedua untuk diperniagakan secara *mudārabah* tanpa keizinan pemilik modal dengan agihan keuntungan pada kadar sama banyak, 1/2 untuk *muḍarib* pertama dan 1/2 untuk *muḍarib* kedua. ‘Āmil kedua mendapat keuntungan dan harta itu meningkat menjadi RM 100. Pemilik modal ambil modalnya RM 80 dan RM10 keuntungannya daripada ‘āmil kedua. ‘Āmil yang kedua mengambil RM 10 keuntungannya dan meminta daripada ‘āmil pertama RM 20 untuk mencukupkan RM 30 keuntungannya dalam perniagaan *mudārabah* berkenaan. Dia tidak perlu meminta kepada pemilik modal kerana kerugiannya telah tertampung¹⁰⁸.

¹⁰⁷ al-Dusūqī (t.t.), j.3, h. 526

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 527.

Praktiknya, dalam perkara di atas, jika pemilik modal dalam akad *mudārabah*nya dengan ‘*āmil* pertama menetapkan syarat bahawa 1/2 keuntungan untuk ‘*āmil*. Kemudian ‘*āmil* menyerahkan pula modal itu kepada orang lain, ‘*āmil* kedua dengan perjanjian akan memberikan 1/2 daripada keuntungannya. Maka dalam perkara ini keuntungan adalah untuk pemilik modal dan ‘*āmil* kedua sahaja. Wajib kepada ‘*āmil* pertama membayar sejumlah wang kepada ‘*āmil* kedua untuk mencukupkan keuntungan untuknya sebanyak 1/2. Jika dalam kontrak *mudārabah* kedua antara ‘*āmil* pertama dan ‘*āmil* kedua diperuntukkan keuntungan sebanyak 1/4 kepada ‘*āmil* kedua. Maka setelah selesai perniagaan itu dan pembahagian untung dibuat, 1/4 daripada keuntungan itu untuk ‘*āmil* kedua dan bakinya untuk pemilik modal.

Jika pemilik modal melarang ‘*āmil* melaksanakan pekerjaannya dengan modal *mudārabah*, sebelum perniagaan berjalan, maka akad *mudārabah* itu menjadi bubar. Jika ‘*āmil* membantah dan terus menjalankan perniagaan, keuntungan semua untuknya dan rugi juga ditanggung olehnya. Pemilik modal hanya berhak mendapatkan kembali modalnya¹⁰⁹. Menurut al-Imām Mālik , bahawa dalam perkara seorang lelaki mengambil daripada seorang lelaki lain harta *qirād* (modal *mudārabah*). Kemudian dia serahkan harta itu kepada orang lain juga atas dasas *qirād*, orang itu memperniagakan harta tersebut tanpa keizinan pemilik modal. Dalam hal ini ‘*āmil* pertama dikenakan tanggungjawab membayar ganti rugi harta modal itu. Jika harta itu berkurangan, dia dikehendaki menampung yang kurang itu. Jika mendapat keuntungan, maka pemilik modal mengambilnya mengikut kadar asal bagaimana dijanjikan dalam akad *mudārabah*.

¹⁰⁹ al-Dardir (1989) , *op.cit.*, j. 4, h. 142.

pertama. Selebihnya untuk orang yang bekerja ('āmil kedua) mengikut peruntukan untung yang dijanjikan kepadanya oleh 'āmil pertama.¹¹⁰

Dalam mazhab Syafi'i, pendirian *fuqahā*'nya lebih keras dalam hal *mudārib* mengikat kontrak *mudārabah* dengan *mudārib* kedua. Tindakan demikian adalah dilarang. *Mudārib* dilarang daripada membuat kontrak dengan *mudārib* lain untuk berkongsi kerja dan keuntungan sekalipun dengan keizinan pemilik modal.¹¹¹ Alasannya kerana *qirād* (*mudārabah*) disyari'atkan secara yang berlawanan dengan *qiyās*. Asasnya salah seorang daripada yang berakad adalah pemilik harta, tiada kerja baginya dan seorang lagi adalah pekerja, di mana tiada milik padanya. Hal ini berkisar antara dua 'āmil iaitu orang yang menyerahkan modal dan yang menerimanya untuk diurusniagakan. Kedua-duanya adalah 'āmil, maka kontrak itu dianggap tidak sah. Ini berlaku apabila *mudārib* pertama memberi keizinan kepada *mudārib* kedua bekerja dengan jalan bersyarikat antara mereka dalam pekerjaan. Pendapat lain dalam mazhab Syafi'i mengharuskan kontrak sedemikian sebagaimana harusnya bagi pemilik harta bermudārabah dengan dua orang *mudārib* diperingkat awal lagi¹¹².

Terapi kalau *mudārib* pertama memberi keizinan kepada *mudārib* kedua melaksanakan kerja untuk melepaskan dirinya daripada kontrak *mudārabah* dengan pemilik modal, atas dasar dia sebagai wakil daripada pemilik harta. Dalam kes ini *mudārib* sebenar adalah *mudārib* kedua sahaja. Perpindahan kerja kepada *mudārib* kedua adalah sah sama seperti pemilik modal membuat kontrak *mudārabah* terus dengan *mudārib* kedua. Kalau *mudārib* membuat kontrak

¹¹⁰ al-Zurqānī (1979) j. 3, h. 355.

¹¹¹ al-Syīrāzī (1994) ,op.cit., j. 1, h. 507; al-Nawawī, (1338 H), op.cit., h. 74.

¹¹² al-Khaṭīb (t.t), op.cit., j. 2, h. 314.

mudārabah dengan *mudārib* kedua tanpa keizinan pemilik modal, maka *mudārabah* itu menjadi *fāsid*, sama ada ia bertujuan untuk berkongsi kerja dan keuntungan atau bertujuan membubarkan akad *mudārabah* yang pertama. Ini kerana pemilik modal tidak memberi keizinan kepadaanya dan tidak mengamanahkan hartanya kepada orang lain¹¹³.

Kesimpulannya, dalam mazhab Syafi'i keharusan *mudārib* membuat kontrak *mudārabah* dengan pihak lain terbatas kepada *mudārabah* yang berbentuk keizinan *mudārib* pertama kepada orang lain untuk mengambil alih kerjanya dan kontrak *mudārabah* pertama dengan pemilik modal menjadi bubar dan dia mengambil tempat sebagai wakil menemukan pemilik modal dengan *mudārib* kedua. Selain daripada bentuk ini adalah dilarang.

Dalam mazhab Hanbali, dengan mandat umum yang diberi oleh pemilik modal kepada *mudārib* iaitu dengan pnycrahan kuasa kepada *mudārib* untuk bertindak melaksanakan pengurusan perniagaan *mudārabah* mengikut kebijaksanaannya. Dengan demikian *mudārib* boleh bertindak melakukan kontrak *mudārabah* dengan pihak lain. Namun demikian agihan keuntungan hanya untuk *mudārib* kedua dan pemilik modal sahaja tanpa apa-apa bahagian untuk *mudārib* pertama.¹¹⁴ Dalam kontrak *mudārabah* secara *mutlaq*, Ahmad Ibn Hanbal berpendapat bahawa *mudārib* tidak boleh menyerahkan modal *mudārabah* kepada orang lain secara *mudārabah* tanpa izin daripada pemilik modal. Kalau diserahkan kepadaanya harta secara *mudārabah* kemudian dia menyerahkannya pula kepada

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ Ibn Qudāmah (1981) ,*op.cit.*,j. 5, h. 50.

orang lain secara *muðarabah* juga, maka cara ini dianggap terkeluar daripada hakikat *muðarabah*.¹¹⁵ Ini kerana kuasa mengurus niagakan harta menjadi hak *muðarib* kedua, sedangkan tidak harus *muðarib* menawarkan harta *muðarabah* kepada orang lain tanpa keizinan pemiliknya. Jika *muðarib* menyerahkan harta *muðarabah* kepada *muðarib* kedua, harta modal itu tidak rosak dan juga tidak untung, hendaklah harta itu dipulangkan kepada pemiliknya. Tetapi jika harta itu rosak wajib diganti. Pemilik modal boleh menuntut sama ada daripada *muðarib* pertama atau *muðarib* kedua supaya memulangkan hartanya, jika masih ada dan menggantinya jika rosak. Jika dia menuntut daripada *muðarib* pertama dan *muðarib* pertama bersedia mengganti barang modal yang rosak, maka pemilik modal berkenaan tidak perlu merujuk kepada *muðarib* kedua, jika dia (*muðarib* kedua) tidak tahu bahawa harta modal yang diterimanya bukan milik orang yang menyerahkan harta itu kepadanya. *Muðarib* pertama telah menyeleweng dan dia dianggap seperti perampas.¹¹⁶

Muðarib pertama boleh merujuk, iaitu meminta kepada *muðarib* kedua atas apa yang dia telah berikan sebagai ganti rugi kepada pemilik modal, jika *muðarib* kedua tahu bahawa orang yang memberikan modal *muðarabah* kepadanya bukan pemilik harta tetapi *muðarib* pertama. Dengan cara demikian dia menerima harta orang lain secara tidak jujur (‘*udwan*). Jika rosak semasa dalam tangannya, maka dia bertanggungjawab menggantinya. Jika *muðarib* kedua menjamin (membayar ganti rugi) kepada pemilik modal, dia tidak boleh meminta bayaran daripada *muðarib* pertama dalam keadaan dia (*muðarib* kedua) tahu

¹¹⁵ *Ibid.*, h. 48.

¹¹⁶ *Ibid.*

kedudukan sebenarnya dan dia tetap berkewajiban menjamin ganti rugi kepada pemilik modal.¹¹⁷

Jika *mudārib* kedua tidak tahu keadaan sebenar bahawa penyerah harta *mudārabah* itu bukan pemiliknya tetapi *mudārib*, maka dia bolch merujuk (mendapatkan kembali) pembayaran ganti rugi yang telah dibuatnya kepada pemilik modal daripada *mudārib* pertama kerana dia telah diperdaya dengan menyerahkan kepadanya harta yang bukan miliknya. Satu pendapat lain daripada mazhab yang sama mengatakan bahawa *mudārib* kedua tidak boleh membuat tuntutan kepada *mudārib* pertama kerana kerosakan itu berlaku semasa harta itu berada dalam tangannya. Jika untung, semuanya untuk pemilik modal, tiada sebarang bahagian untuk *mudārib* pertama kerana dia tidak menyumbangkan harta atau kerja. Untuk *mudārib* kedua terdapat dua pandangan:¹¹⁸

a. Pertama: untuknya upah *mith*/kerana dia bekerja dengan harta orang

lain tanpa keizinan pemiliknya. Maka dia hanya berhak mendapat upah seperti *mudārabah yang fāsid*.

b. Kedua: tidak mendapat apa-apa kerana dia bekerja dengan

menggunakan harta orang lain tanpa keizinan pemiliknya, maka dia tidak boleh menuntut apa-apa hak, dia dianggap sama seperti perampas harta.

Mengikut pendapat al-Qādī Abū Ya'la¹¹⁹, jika *mudārib* kedua telah membeli dengan 'ayn harta (modal *mudārabah*), maka pembelian itu batal. Tetapi

¹¹⁷ *Ibid.*, h. 49.

¹¹⁸ *Ibid.*

¹¹⁹ al-Qādī Abū Ya'la (380-458 H.), nama sebenarnya ialah Muḥammad ibn Ḥusayn ibn Muḥammad ibn Khalf ibn Ahmad ibn al-Farrā', ulama' terkenal mazhab Hanbalī di zamannya, seorang yang alim dalam pelbagai bidang ilmu. Antara kitab karangannya ialah kitab *Aḥkām al-Qurān*, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, *al-Mujarrad*, *al-Jāmi'* *al-Saghīr* dan *al-Kafalah*. Lihat Abū

menyerahterahkan harta modal itu secara *mudārabah*, maka ia harus berbuat demikian, jadilah *mudārib* pertama sebagai wakil kepada pemilik harta. Apabila dia menyerahterahkan harta *mudārabah* kepada orang lain untuk diperniagakan tanpa sebarang bahagian keuntungan untuk dirinya adalah dikira sah. Jika dia mengenakan syarat supaya keuntungan diagihkan kepadanya tidak sah kerana dia tidak menyumbangkan apa-apa baik harta atau tenaga. Keuntungan hanya terletak hak pada scorang daripada mereka.¹²²

Dari sini nyatahalah bahawa mazhab Hanbali menegah *mudārib* membuat kontrak *mudārabah* lagi dengan pihak lain tanpa izin pemilik modal. Jika dilakukan juga dan harta modal tidak rosak serta tidak ada keuntungan hendaklah dikembalikan kepada pemiliknya. Jika harta modal itu rosak, pemilik modal boleh menuntut ganti rugi daripada mana-mana orang yang disukainya antara *mudārib* pertama dan *mudārib* kedua. Jika *mudārib* pertama yang membayar ganti rugi, maka dia tidak perlu merujuk kepada *mudārib* kedua. Demikian juga sebaliknya jika *mudārib* kedua yang membayar ganti rugi, maka dia tidak boleh lagi meminta kepada *mudārib* pertama. Jika untung, semuanya untuk pemilik modal dan tidak ada apa-apa bahagian untuk *mudārib* pertama. Tetapi menurut pendapat al-Qādī Abū Ya'lā, untuk *mudārib* pertama dia barhak mendapat keuntungan pada kadar yang dipersetujuinya dengan *mudārib* kedua setelah pemilik modal mengambil bahagian keuntungan untuknya. Dalam perkara pemilik modal mengizinkan kepada *mudārib* untuk membuat kontrak *mudārabah* kedua dengan *mudārib* lain, maka harus baginya berbuat demikian, tetapi tidak ada sebarang bahagian dalam keuntungan untuk *mudārib* pertama.

¹²²Ibn Qudamah,(1981), *op.cit.*,j.5 , h.. 42-45.

Melihat kepada pendapat yang dikemukakan oleh keempat-empat mazhab *sunnī* berhubung dengan *mudārib* mengikat kontrak dengan pihak lain dapat disimpulkan bahawa mazhab Hanafi membenarkan kepada *mudārib* pertama mendapat bahagian daripada keuntungan mengikut kesepakatan antaranya dengan *mudārib* kedua, sesudah memberikan kepada pemilik modal bahagian keuntungannya, sekalipun dia tidak melakukan sebarang kerja dalam mengurusniagakan harta modal *mudārabah*. Ini dianggap sebagai suatu pendapatan yang halal kerana penglibatannya dengan kedua-dua kontrak berkenaan. Manakala mazhab Maliki dan Hanbali tidak memberikan bahagian daripada keuntungan kepada *mudārib* pertama, bahkan setelah diberikan bahagian keuntungan untuk pemilik modal dan *mudārib* kedua, tidak ada sebarang bahagian untuk *mudārib* pertama kerana dia tidak bekerja dan tidak menyumbangkan harta. Manakala mazhab Syafi'i pula beranggapan bahawa mengharuskan *mudārib* pertama bermudārabah membawa kepada terkeluarnya daripada pengertian *mudārabah*, menganggapkan ada hak untuk menuntut keuntungan adalah sesuatu yang tidak dapat diterima.

ii. Membuat kontrak syarikat dengan pihak lain

Apabila pemilik modal menyerahkan kepada *mudārib* wangnya dengan memberi mandat kepada *mudārib* untuk bertindak mengikut kebijaksanaannya. Maka dengan itu *mudārib* berhak membuat kontrak syarikat dengan orang lain tanpa membubarkan kontrak *mudārabah* yang asal dengan mengekalkan syarat pemilik modal mengenai pembahagian untung untuk mereka. Dia juga boleh mencampurkan modal *mudārabah* dengan hartanya sendiri dan menjadikan dia bersyarikat dengan pemilik modal dalam membekalkan modal perniagaan, sama ada menjadi 'adat dalam negeri berkenaan atau tidak. Kemudian dibahagikan

keuntungan mengikut kadar modal dengan cara *muđārib* mengambil untung ikut kadar modalnya. Kemudian dibahagikan keuntungan daripada modal *muđārabah* di antara *muđārib* dan pemilik modal mengikut kadar yang telah mereka persetujui. Misalnya, jika modal *muđārabah* sebanyak RM50, *muđārib* campurkan dengan wangnya sendiri RM100. Setelah diperniagakan dia mendapat keuntungan sebanyak RM30. Untung daripada harta *muđārib* RM 20 dan daripada harta modal *muđārabah* RM10. Yang RM 10 ini dibahagikan antara mereka, pemilik modal dan *muđārib*¹²³.

Ini adalah seiring dengan pendapat al-Imām Mālik dan al-Thawrī dan satu golongan dalam mazhab Hanbali. Alasan mereka selagi ada penyerahan daripada pemilik modal secara *muļlaq* dengan kebebasan kepada *muđārib* bertindak mengikut kebijaksanaannya sendiri, maka harus bagi *muđārib* bertindak demikian. Ini kerana mungkin *muđārib* melihat bahawa mencampurkan hartanya dengan harta *muđārabah* lebih baik untuknya. Perkara ini juga masih termasuk dalam lingkungan kebebasannya sebagaimana terdapat dalam kontrak. Malahan dalam mazhab Maliki *muđārabah muļlaqah* tanpa ada mandat umum dalam bentuk memberi kebebasan kepada *muđārib* bertindak mengikut kebijaksanaannya juga *muđārib* tetap boleh mencampurkan hartanya dengan harta modal *muđārabah*.¹²⁴ Al-Imām al-Syāfi'i tidak bersetuju dengan pendapat ini. Baginya, dalam perkara ini *muđārib* dikenakan *damān* sekiranya dia berbuat demikian kerana pada pendapat beliau itu bukan sebahagian daripada amalan

¹²³ al-Kāsanī (t.t.) *op.cit.*, j. 5, h. .98.

¹²⁴ al-Tanūkhī (t.t) , *op.cit.*j. 5, h. 103.

perniagaan¹²⁵.

c. *Mudārabah mūṭlaqah* bersama keizinan tertentu

Kontrak *mudārabah* jenis ini bermaksud pemilik modal menyerahterahkan wang modal *mudārabah* kepada *mudārib* untuk diurusniagakan dengan memberikan suatu keizinan yang jelas kepada *mudārib* untuk bertindak melakukan beberapa tindakan pengurusan tertentu seperti membuat *hibah*, *sadaqah*, memberi pinjaman (*qarḍ*) daripada harta modal *mudārabah* dan mendapatkan modal tambahan melalui hutang. Dalam kontrak *mudārabah* jenis ini *mudārib* memiliki kuasa untuk berindak dalam menguruskan perniagaan modal *mudārabah* mengikut apa yang telah diberi keizinan kepadanya oleh pemilik modal. Ini kerana segala sekatan untuk bertindak melakukan sesuatu pemberian secara sukarela seperti *hibah*, *sadaqah* dan *qard* serta berhutang untuk menambah jumlah modal ke atas *mudārib* adalah di bawah bidangkuasa pemilik modal. Sekatan itu menjadi gugur dengan pelepasan yang diberikan olehnya.¹²⁶

Pada asalnya *mudārib* tidak boleh bertindak memberi *qard*, *hibah* dan *sadaqah* dengan menggunakan harta modal *mudārabah*. Dia juga tidak boleh mendapatkan hutang lebih banyak daripada harta modal, dengan cara membeli barang dengan harga tangguh. Ini kerana perbuatan tersebut boleh menyebabkan pertambahan modal dan tanggungan *damān* ke atas pemilik modal tanpa persetujuannya. Di samping itu semua harga belian dalam *mudārabah* adalah di bawah jaminan pemilik modal.¹²⁷ Semua perkara ini hanya boleh dilakukan oleh *mudārib* apabila ada keizinan khas untuk tujuan-tujuan tersebut

¹²⁵ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j.5, h..50-51.

¹²⁶ Lihat al-Kāṣāñi (t.t.), *op.cit.*, j. 8 h. 3612-3617

¹²⁷ *Ibid.* h. 3612.

dari pada pemilik modal. Dengan mendapat keizinan yang tertentu secara nyata, maka *muḍārib* boleh mendapatkan hutang pada kadar yang dapat ditampung oleh modal sahaja. Contohnya jika di tangan *muḍārib* ada RM 100 sebagai modal tunai, hendaklah dia membeli barang dengan cara bayar bertempoh pada harga RM 100 juga.

*

i. *Mudārib* berhutang untuk menambah modal

i. a. Dengan kebenaran pemilik modal

Mudārib boleh mendapatkan modal tambahan dengan cara berhutang jika ada kebenaran khas yang diberi oleh pemilik modal. Mereka berbeza pendapat dari segi kedudukan harta yang diperolehi melalui hutang itu. Dalam mazhab Hanafi jika *muḍārib* membeli secara tidak tunai lebih daripada kadar modal, dan pemilik modal memberi keizinan dengan jelas tentang perkara itu. Maka dalam hal ini apa yang lebih daripada harga modal adalah menjadi syarikat *al-wūjūh*¹²⁸ antara mereka. Ini kerana tidak harus menjadikan pembelian dengan hutang sebagai kegiatan perniagaan *muḍārabah* kerana *muḍārabah* tidak harus dilakukan kecuali dengan modal tunai.¹²⁹ Keuntungan *muḍārabah* dibahagikan antara mereka mengikut syarat yang mereka persetujui. Manakala keuntungan daripada syarikat *al-wūjūh* dibahagikan antara mereka secara sama banyak. Contoh penyelesaiannya, jika modal *muḍārabah* sebanyak RM 100, *muḍārib* membeli

¹²⁸Maksud syarikat *al-wūjūh* ialah persyarikatan antara dua orang yang mana kedua-duanya tidak mempunyai harta. Mereka bermula dengan membeli dan menjual dengan menggunakan pengaruh (kepercayaan orang lain) yang ada pada mereka. Apa-apa yang dibeli oleh mereka atau oleh salah seorang daripada mereka adalah untuk mereka secara sama banyak (1/2). Dinamakan syarikat *al-wūjūh* kerana tidak ada siapapun yang boleh membeli secara *nasi'a* (harga tangguh) kecuali dia orang yang dipercayai atau mempunyai pengaruh (*wajīh*). Lihat al-Samargandi, *op.cit.*, j. 3, h. 10. Dalam mazhab Hanbali syarikat *al-Wūjūh* ialah dua orang berkongsi ke atas sesuatu yang mereka beli dengan menggunakan pengaruh atau kepercayaan orang lain terhadap mereka (bukan dengan wang). Lihat Baha' al-Din Abd al-Rahman ibn Ibrāhīm al-Maqdīsī (1990), *al-'Uddah Syarh al-'Umdah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 215

¹²⁹ al-Kāsānī (t.t.), *op.cit.*, j.8, h. 3616.

dengan keizinan pemilik modal barang bernilai RM 150. Setelah menjualnya, dia mendapat keuntungan sebanyak RM 60. Mula-mula, bahagikan keuntungan yang didapati kepada tiga bahagian. Bagi modal *muḍārabah* RM 100 keuntungannya sebanyak RM 40 dibahagikan antara mereka mengikut persetujuan dalam kontrak *muḍārabah*. Keuntungan dari modal pinjaman sebanyak RM 50 iaitu sebanyak RM 20 adalah keuntungan syarikat *al-wujūh*. Ia dibahagikan pada kadar yang sama banyak kerana mereka berkongsi pada kadar $\frac{1}{3}$ modal iaitu RM 50 dengan nisbah yang sama banyak dalam syarikat *al-wujūh*¹³⁰. Tidak boleh dijadikan orang yang membeli dengan harta hutang sebagai pembelian *muḍārabah* kerana *muḍārabah* tidak harus berlaku dengan modal yang didapati melalui hutang.¹³¹

Majoriti *fugahā*, *Sunnī* yang lainya pula beranggapan bahawa harta modal yang diperolehi oleh *mudārib* melalui hutang dengan kebenaran pemilik modal itu adalah menjadi harta perniagaan *muḍārabah*. Harta modal *muḍārabah* ketika itu adalah merupakan percampuran antara modal asal yang diberi oleh pemilik modal dan modal yang didapati oleh *mudārib* melalui hutang. Hutang itu mesti dibayar oleh pemilik modal, kerana *mudārib* berhutang dengan kebenarannya.¹³² Semua keuntungan yang diperolehi hasil daripada percampuran modal itu dibahagi antara mereka mengikut kadar yang telah dipersetujui dalam perjanjian asal.

Daripada apa yang ternyata dalam fakta-fakta di atas didapati bahawa *fugahā* mazhab Hanafi mengambil kira *mudārib* sebagai sekutu (rakan kongsi)

¹³⁰ *Ibid.*, h.3617

¹³¹ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h. 102; al-Kāṣāñī (t.t.), *op. cit..*

¹³² Lihat al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.*j.3, h. 528; al-Anṣārī (1948), *op. cit.*, I, h. 242; Ibn Qudāmah (1981) *op.cit.*j. 5, h. 47.

dalam tambahan daripada jumlah modal dalam bentuk syarikat *al-wujūh*, maka dibagi keuntungan daripada modal itu secara sama banyak. Keckallah *mudārabah* sebagaimana yang ada mengikut syarat yang telah dipersetujui antara mereka. Manakala majoriti *Fuqahā' Sunnī* yang lain iaitu daripada mazhab Malaki, Shafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa harta yang didapati oleh *mudārib* secara hutang itu adalah menjadi modal *mudārabah*. Ini bermakna *mudārib* tidak perlu menaggung risiko(*ḍamān*) daripada hutang itu. Sebarang kerugian, kehilangan dan kerosakan adalah menjadi tanggungan pemilik modal.

i. b. Tanpa kebenaran pemilik modal

Fuqahā' Sunnī sepakat bahawa *mudārib* tidak boleh mendapatkan modal tambahan secara hutang tanpa kebenaran khas daripada pemilik modal. Ini bermakna bahawa dengan akad *mudārabah* yang dibuat secara *muṭlaq* iaitu mengikut kebiasaan ‘adat atau dalam penyerahan modal secara am sahaja, *mudārib* tidak boleh berhutang lebih daripada kemampuan harta modal *mudārabah* untuk membayarnya. Tetapi dalam mazhab Hanbali terdapat sedikit kelonggaran, di mana *mudārib* boleh berhutang untuk menambah modal hanya dengan penyerahan kuasa urusniaga oleh pemilik modal kepadaannya secara am iaitu dengan katanya “buatlah kerja mengikut kebijaksanaan kamu”.¹³³

Dalam mazhab Hanafi, jika *mudārib* berhutang tanpa kebenaran pemilik modal dan memasukkan harta yang dibeli secara hutang itu ke dalam harta perniagaan *mudārabah*. Ia dianggap sebagai pemberian sukarela daripada *mudārib*. Kedua-dua kumpulan harta itu, harta asal pemilik modal dan harta yang

¹³³ 'Alā' al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Afī ibn Sulayman al-Mārdawī (1955), *al-Insāf fī Ma'rifah al-Rājih min al-Khilāf*, tah.: Muḥammad Hāmid al-Faqī ,Kaherah: Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah, j. 5, h. 419.

diperolchi secara hutang itu adalah menjadi harta perniagaan *mudārabah*. Hutang yang dibuat oleh *muḍārib* mesti dibayar oleh *muḍārib* dengan wangnya sendiri. Sama seperti *muḍārib* menggunakan semua harta modal *mudārabah* untuk membeli barang perniagaan. Kemudian dia berhutang untuk membayar kos engangkutan barang-barang itu. Maknanya *muḍārib* menanggung kos pengangkutan barang *mudārabah* itu secara sukarela.¹³⁴

Menurut al-Imām Mālik, *muḍārib* tidak boleh mendapatkan hutang dan menggabungkan wang hutang itu dengan modal *mudārabah*. Ertinya *muḍārib* tidak boleh membeli barang untuk perniagaan *mudārabah* lebih daripada modal yang disediakan. Jika dia berbuat demikian, dia dikira sebagai rakan kongsi niaga (bukan ‘āmil). Dikhususkan keuntungan untuknya(rakan kongsi) dan kerugian pula jika berlaku juga ditanggung olehnya. Hal ini berlaku, sama ada *muḍārib* membeli barang yang lebih daripada jumlah modal *mudārabah* itu untuk dijadikan harta perniagaan *mudārabah* atau untuk dirinya sendiri. Kedua-duanya adalah dikira sama, di mana ia dianggap sebagai syarikat dan *muḍārib* menjadi rakan kongsi niaga yang menyumbangkan modal pada kadar harta yang lebih daripada modal asal *mudārabah*. Contohnya apabila pemilik modal menyerahkan wang RM 100 kepada *muḍārib* dan *muḍārib* membeli barang dengan harga RM 200. Seratus ringgit adalah dibeli dengan modal *mudārabah* dan seratus yang lain dibeli secara bertempoh. Barang yang dibeli secara bertempoh itu dinilai dengan wang. Jika setelah dinilai dedapati harganya RM 50, maka *muḍārib* menjadi rakan kongsi dengan menyumbang modal sebanyak 1/3.

¹³⁴Lihat al-Kāṣāñī (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3615.

Keuntungan dan kerugian ke atas 1/3 modal adalah menjadi milik dan tanggungan *mudārib*. Yang selebihnya diselsaikan mengikut hukum *qirād* (*muḍarabah*).¹³⁵

Ada pendapat kedua daripada mazhab Maliki yang mengatakan bahawa pemilik modal boleh memilih antara menrimanya dengan membayar harga barang, maka dengan itu semuanya jadi modal *muḍarabah*, atau menolaknya dan dengan itu *mudārib* menjadi rakan kongsi niaga. Berkaitan dengan pembelian secara tidak tunai (bayaran bertangguh), jika ia menjadi tambahan kepada harta *muḍarabah* secara segera dan dengan tujuan untuk dimiliki sendiri oleh *mudārib*, maka dia menjadi rakan kongsi niaga. Keuntungan daripada modal pinjaman itu adalah untuknya sendiri dan kerugian juga adalah menjadi tanggungannya. Sebaliknya, jika pertambahan yang berlaku ke atas harta yang diurusniaga oleh *mudārib* melalui pembelian secara berhutang itu adalah untuk dijadikan harta modal *muḍarabah*, maka pemilik modal boleh memilih antara membayar wang sebanyak RM 100 yang kedua dan harta itu semuanya menjadi miliknya (modal *muḍarabah*). Pemilik modal juga boleh tidak membayarnya, maka dengan itu *mudārib* menjadi sekutunya (bersyarikat dengannya) pada separuh harta dan separuh lagi modal *muḍarabah*.¹³⁶

Fuqahā' Syafī'i pula tidak mengharuskan bagi *mudārib* membeli untuk *qirād* lebih banyak daripada modal kerana pemilik modal tidak rela *mudārib* terlibat dengan kegiatan membeli secara *dhimmah* (hutang), kecuali pada kadar yang dapat ditampung dengan jumlah modal asal *muḍarabah*. Jika *mudārib* tidak patuh, maka jadilah tambahan itu untuk dirinya sendiri, bukan untuk *muḍarabah*. Tidaklah semestinya menjadi batal *muḍarabah* dengan tidak patuhnya *mudārib*.

¹³⁵ al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 524.

¹³⁶ *Ibid.*

itu. Tetapi kadang-kadang mcmasukkan tambahan itu menjadi batal dan kadang-kadang tambahan itu untuk *mudārib*. Pembelian yang melebihi daripada nilai modal *mudārabah* yang boleh mcmbatalkan kontrak *mudārabah* ialah pembelian yang dibuat dengan menggunakan wang modal *mudārabah* itu juga. Sepatutnya wang itu telah digunakan untuk membayar harga barang perniagaan *mudārabah*. Tetapi dia tidak membayarnya, sebaliknya membeli barang lain. Manakala tambahan yang dikira urusniaga untuk *mudārib* ialah apabila dia membeli yang lebih daripada jumlah modal itu bukan dengan wang modal *mudārabah* sebaliknya dia membeli dengan *dhimmah* iaitu dengan cara berhutang atas namanya sendiri.¹³⁷

Sebagai misal kepada persoalan ini, jika modal sahaja atau bersama untung RM100, maka dia membeli barang berharga RM 100. Kemudian dia membeli lagi barang lain dengan wang RM 100 itu, maka pembelian kedua itu batal sama ada penyempurnaan belian pertama dengan wang modal atau dengan *dhimmah* (hutang) kerana jika dia menyempurnakan pembelian pertama dengan modal *mudārabah*, maka wang modal itu telah bertukar milik iaitu menjadi milik kepada penjual dalam akad pembelian itu. Jika dia menyempurnakan pembelian pertama dengan *dhimmah*, maka jadilah wang RM100 yang ada ditangannya menjadi hak perniagaan bagi akad pertama. Jika dia membeli barang kali kedua dengan RM 100 melalui *dhimmah*, maka pembeliannya adalah untuk dirinya sendiri sebagai mana wakil membeli menyalahi apa yang diwakilkan kepadanya.¹³⁸

¹³⁷ al-Nawawi, (1338), *op.cit.*, h. 74.

¹³⁸ *Ibid.*, h. 74; al-Khatib (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 316.

Perkara ini juga diakui dalam mazhab Hanbali, di mana tidak ada hak kepada *mudārib* untuk membeli lebih banyak daripada modal yang ada, kerana keizinan tidak mencapai lebih dari jumlah modal. Membeli dengan lebih banyak daripada harta modal *mudārabah*, maka *mudārabah* itu menjadi rosak. Contohnya jika modal *mudārabah* sebanyak RM 1,000 *mudārib* membeli suatu barang dengan harga RM 1,000 kemudian membeli lagi barang berharga RM1000 dengan wang yang sama. Pembelian kedua dikira batal. Ini kerana modal *mudārabah* sesungguhnya telah menjadi hak penerimaan pada jualan yang pertama. Jika dia membuat pembelian kedua dengan *dhimmah*, maka pembelian itu dikiara sah, kerana pembelian dengan tanggungan (*dhimmah*) ke atas apa-apa yang tidak diizinkan kepadanya dalam pembelian, maka jadilah pembelian itu untuknya sendiri.

Persoalannya ialah adakah ianya tertakluk (*mawqūf*) kepada kebenaran pemilik modal. Mengenai perkara ini dalam mazhab ini ada dua pendapat¹³⁹. Pendapat pertama mengatakan ianya tertakluk kepada keizinan pemilik modal, sementara pendapat yang kedua pula sebaliknya. Pendapat yang *rājīh* (yang lebih kuat) ialah pendapat yang mengatakan tidak tertakluk pada keizinan pemilik modal selama mana pembelian tidak berlaku untuknya. Cuma perlu kepada keizinan pemilik modal jika diambil kira pembelian itu untuk perniagaan *mudārabah*.¹⁴⁰

Kesimpulannya, dalam perkara *mudārib* berhutang untuk menambah harta modal perniagaan *mudārabah* tanpa kebenaran yang jelas oleh pemilik

¹³⁹ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*,j. 5, h. 47.

¹⁴⁰ Syarf al-Din(1974), *op.cit.*, h. 37

modal, *fuqaha*' Hanafi beranggapan harta tambahan yang dipercrolchi secara hutang itu adalah pemberian sukarela oleh *mudārib* untuk menambah jumlah modal *mudārabah*. Manakala *fuqaha*' Maliki, Syafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa 'amil ketika itu menjadi rakan kongsi dalam perniagaan *mudārabah*, bukan menjadi *mudārib* ke atas bahagian harta yang bertambah (lebih dari modal sebenar *mudārabah*). Sebaliknya semua harta yang didapati secara hutang itu menjadi milik khas untuk *mudārib* dan dia dikehendaki membayar harganya dengan hartanya sendiri. Dia berhak mengambil semua keuntungan daripada modal tambahan itu dan menanggung rugi jika berlaku kerugian, berserta dengan kekalnya *mudārabah* pada kadar modal yang asal. Dalam pada itu ada juga *fuqaha*' Maliki yang berpendapat bahawa harta yang dibeli oleh *mudārib* secara hutang itu boleh dijadikan harta modal *mudārabah* jika pemilik modal bersedia membayar hutang yang dibuat oleh *mudārib* itu.

Meneliti kepada semua pandangan *fuqaha*' mengenai *mudārib* berhutang tanpa kebenaran pemilik modal, didapati pandangan golongan kedua mazhab Maliki yang membenarkan harta hutang itu dicantumkan dengan modal asal dan menjadikan keduanya modal *mudārabah* adalah merupakan pendapat yang adil dan praktikal. Keizinan yang diberikan oleh pemilik modal kepada *mudārib* yang dibuat kemudian sama seperti keizinan itu diberi sejak dari mulanya. *Mudārib* mengambil faedah daripada harta *mudārabah* untuk dirinya sendiri. Tanpa modal *mudārabah* bersamanya, dia tidak akan berupaya mendapatkan hutang tersebut. Oleh yang demikian tidak sepatutnya *mudārib* mengambil kesempatan menggunakan modal *mudārabah* untuk kepentingannya sahaja. Adalah menjadi hak pemilik modal untuk membenarkan pembelian *mudārib* secara berhutang dan

menjadikan pembelian itu untuk perniagaan *mudārabah* di mana faedanya adalah untuk mereka bersama. Ini lebih bermaslahah dan mendekati ‘urf dan ‘adat ahli perniagaan.¹⁴¹

ii. *Mudārib* membuat pemberian *sadaqah*, *hibah* dan *qard*

Scmua bentuk tindakan ini akan dikira tidak sah jika hanya dengan menyerahterahkan kuasa oleh pemilik modal kepada *mudārib* dan menyuruhnya melakukan kerja mengikut kebijaksanaannya. Penyerahan demikian tidak bermakna memberi kuasa kepada *mudārib* untuk melakukan kerja-kerja yang membahayakan modal berkenaan. Ini kerana semua perkara tersebut tidak termasuk dalam pekerjaan biasa peniaga-peniaga. Dia tidak boleh membuat kontrak *sadaqah* dan pemberian(*hibah*) kerana ianya suatu *tabarru'* (sukarela) dan *tabarru'* bukan suatu kerja perniagaan ; dia tidak boleh memberi *qard* kerana *qard* juga suatu *tabarru'* untuk memanfaatkan harta pada suatu jangka masa. Sekiranya dia memberi *qard* kepada seseorang, dia wajib menjamin (*damān*) harta berkenaan.¹⁴² Scmua tindakan yang berbentuk pemberian harta secara sukarela, tanpa sebarang pulangan kepada pemilik modal tidak boleh dilakukan oleh *mudārib* kecuali dengan keizinan khusus untuk sesuatu tujuan berkenaan atau ada suatu dokumen yang jelas yang menunjukkan bahawa adanya arahan atau kebenaran daripada pemilik modal untuk berbuat demikian.¹⁴³

3. 2. *Mudārabah muqayyadah*

Maksud *mudārabah muqayyadah* ialah kontrak *mudārabah* yang diikat dengan ketentuan masa, tempat, jenis perniagaan, jenis barang yang

¹⁴¹ al-Qudāh (1984) , *op.cit.*, h. 336.

¹⁴² al-Kāsānī (t.t.) , *op.cit.*, j. 8, h. 3618.

¹⁴³ *Ibid.*, h. 3617.

diperniagakan dan terikat dengan orang-orang tertentu dalam menjual dan membeli.¹⁴⁴ Pemilik modal bolch mengenakan ikatan(*qayyid*) terhadap *mudārabah* ketika kontrak dibuat dan selepasnya, selama mana harta modal yang ada belum diurusniagakan. Bolch juga *qayyid* dikenakan selepas urusniaga dijalankan jika harta modal itu telah kembali menjadi wang tunai. Jika *mudārib* telah membeli barang perniagaan, pada ketika itu pemilik modal tidak boleh mengenakan syarat supaya jangan menjual secara kredit. Dalam keadaan ini hendaklah dikekalkan kebebasan yang cukup kepada *mudārib* memperniagakan barang tersebut bersesuaian dengan kebenaran yang diberi kepadanya dari segi hak menjual dan membeli.¹⁴⁵

Memang ada perbezaan pendapat antara *fūqahā'* *Sunnī* berhubung dengan pengenaan syarat oleh pemilik modal kepada *mudārib* dalam membataskan kuasa urusniaganya seperti mensyaratkan perniagaan hanya boleh dibuat terhadap jenis barang tertentu, jenis perniagaan tertentu, tempat berniaga atau golongan orang yang boleh berurusniaga dengannya. Sebahagian daripada mereka, antaranya al-Sarakhsī berpendapat bahawa *qayyid* tersebut sebagai suatu yang berfaedah, maka mereka mengharuskannya.¹⁴⁶ Manakala sebahagian yang lain berpendapat pengenaan syarat sedemikian menyempitkan *mudārib* dan memungkinkan tidak berhasilnya keuntungan yang diharapkan dalam kontrak berkenaan. Oleh yang demikian mereka tidak mengharuskannya.¹⁴⁷

Berikut adalah pembincangan mengenai jenis-jenis *qayyid* dalam kontrak *mudārabah* dan pandangan *fūqahā'* berbagai mazhab mengenainya:

¹⁴⁴ al-Kāsānī (t.t) , op.cit.,j. 8, h. 3605; Md. Akhir Yaacob (1994) , op.cit., per. 1406-1407.

¹⁴⁵ al-Kāsānī (T.T.), op.cit., h. 3635; Syarf al-Dīn (1974) , op. cit. h. 20

¹⁴⁶ al-Sarakhsī (t.t.), op.cit., j. 22, h. 42.

¹⁴⁷ al-Nawawī, (1985), j. 5, h.120-121.

a. Jenis-jenis *qayyid* dalam *mudārabah*

Seiiap *qayyid* yang dikenakan oleh pemilik modal dalam kontrak *mudārabah*, jika ia memberi faedah, maka ia wajib diambil kira seperti pemilik modal mengenakan syarat kepada *mudārib* supaya membeli pada harga tertentu, maka *mudārib* mesti mematuhi syarat itu dan tidak boleh melanggarnya. Jika disyaratkan supaya menjual dengan harga tangguh dan harganya lebih tinggi daripada tunai, syarat ini adalah memberi faedah. *Mudārib* wajib mematuhiinya. Kalau *qayyid* itu tidak berfaedah, maka ia tidak diambil kira dan kontrak itu kekal sebagai kontrak *mudārabah mutlaqah* kerana setiap sesuatu yang tidak berfaedah dianggap tiada,¹⁴⁸ seperti pemilik modal mengenakan *qayyid* berupa syarat supaya *mudārib* tidak menjual dengan harga tunai sedangkan harga tunai dan bertangguh sama. Dalam kes ini tidak wajib *mudārib* mematuhi syarat itu, dia boleh menjual dengan harga tunai dan tangguh. Ini kerana syarat *qayyid* dianggap sia-sia, tidak diambil kira, kerana asal pada sesuatu syarat ialah pengiktirafannya terhadap keterikatan dengan syarat berkenaan kerana Rasul Allah ada bersabda:

الْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطٍ¹⁴⁹

Bermaksud: *Orang Islam terikat dengan syarat-syarat mereka.*

Mudārabah Muqayyadah dengan sesuatu *qayyid* terikat dengannya dan kekal *mutlaq* disebalik *qayyid* berkenaan. Ini adalah asal kepada sesuatu yang

¹⁴⁸ al-Kāsānī (t.t.) *op.cit.*, j. 22, h. 3631.

¹⁴⁹ Hadith sahih riwayat al-Tabrānī. Lihat Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Bānī (1986) *Sahīh al-Jāmi' al-Saghir wa Ziyādatuh* (*al-Fath al-Kabīr*), j. 2, Beirut: Maktab al-Islāmī, h. 1138.

dijanjikan dalam yang *mutlaq* apabila diikat dengan sesuatu *qayyid*, maka dia akan kekal *mutlaq* disebalik ikatan *qayyid* itu.¹⁵⁰ Misalnya dalam *mudarabah* yang diikat dengan *qayyid* dari segi tempat bermiaga, maka *muđarib* hanya terikat dengan tempat berkenaan, namun dia masih bebas sebagaimana dalam *mudarabah mutlaqah* dari segi tiđakannya dalam urusniaga seperti menggadai, menyewa, melantik wakil, menyimpan harta secara *wadi'ah* dan sebagainya. Oleh yang demikian perbezaan yang wujud dalam *qayyid* ialah dari segi jenis dan kewajipan menunaikannya. Jenis-jenis *qayyid* dalam *mudarabah* ialah *qayyid* dari segi tempat, masa, jenis kerja atau perniagaan dan orang yang terlibat bermu'amalah dengan *muđarib* dalam pelaksanaan kerjanya.

i. *Qayyid* dari segi tempat

Qayyid dari segi tempat membawa maksud bahawa pemilik modal mengenakan syarat ke pada *muđarib* semasa kontrak *mudarabah* dibuat supaya *muđarib* hanya menjalankan aktiviti perniagaan atau perusahaan dengan modal *mudarabah* yang dibiayainya itu pada suatu kedai, pasar, daerah, bandar atau negeri tertentu sahaja. Apabila seseorang pemilik modal menyerahkan modal *mudarabah* kepada seseorang *muđarib* dengan mengenakan syarat bahawa *muđarib* mesti bekerja di tempat tertentu sahaja, maka syarat ini dikira sebagai syarat yang memberi faedah kepada mereka kerana di antara satu tempat dengan tempat yang lain ada perbezaan dari segi tinggi rendah harga barang. Oleh itu dia mesti melaksanakan kerja *mudarabahnya* di tempat yang ditetapkan, tidak di tempat lain kerana tidak diizinkan. Asal pada keizinan itu tiada, bererti tiada keizinan selain daripada yang ditentukan dalam akad, dan hanya sempurnanya

¹⁵⁰al-Käsāñ (t.t.) , *op.cit.*, j. 8, h. 3631

mudārabah dengan akad. Discbalik dari apa yang dicapai dalam akad kckal sebagaimana asalnya iaitu tiada. Dia tidak bolch memberi harta modal *mudārabah* kepada orang lain untuk dibawa keluar dari tempat berkenaan, kerana *mudārib* sendiri tidak ada hak berbuat demikian, maka orang lain labih tidak berhak.¹⁵¹

Mudārib mesti menjaga syarat yang dipersetujui dengan pemilik modal. Jika dia membawa keluar harta *mudārabah* dari tempat berkenaan, kemudian dia bawa kembali tanpa diurusniagakan, dia tidak dikenakan *damān* (bayar ganti rugi). Harta itu kembali sebagaimana asalnya sebagai modal *mudārabah*. Demikian juga kalau barang itu rosak sebelum diurusniagakan, juga dia tidak perlu memcbayar ganti rugi kerana pemecahan kontrak belum berlaku sebelum diperniaga di luar dari tempat yang ditetapkan. Jika *mudārib* membawa keluar harta *mudārabah* dan membeli serta menjual dengan modal itu, dia Dikehendaki menjamin ganti rugi kerana dia telah berurusniaga di tempat yang tidak dibenarkan kepadanya. Apa yang dibelinya menjadi miliknya, demikian juga dengan keuntungan dan kerugian adalah menjadi tanggungannya. Jika dia membeli dengan sebahagian dari modal *mudārabah*, apa yang dibelinya adalah untuknya. Apa yang dipulangkan, kembali menjadi harta *mudārabah*, kerana pemecahan kontrak itu berlaku pada kadar yang digunakan untuk membeli.¹⁵²

Bagi *fugaha'* Syafi'i *qayyid* dengan tempat juga boleh diterima tetapi dalam bentuk yang umum, seperti membataskan kegiatan *mudārabah* di pasar-pasar tertentu, tidak boleh dibuat pada tempat yang khusus seperti di kedai-

¹⁵¹ *Ibid.*

¹⁵² *Ibid.*, h. 3632.

kedai tertentu.¹⁵³ Manakala *fugaha*' Maliki tidak dapat menerima sama sekali pengenaan syarat dalam bentuk membataskan aktiviti perniagaan *muḍarabah* pada tempat-tempat tertentu baik khusus atau umum. Oleh itu mereka beranggapan penetapan syarat perniagaan *muḍarabah* di pasar atau di kedai tertentu di mana *muḍarib* tidak bolch berurusniaga selain dari tempat tersebut adalah merosakkan *muḍarabah*. Malahan penentuan tempat peniagaan di negeri tertentu juga dianggap merosakkan kontrak *muḍarabah*. Jika berlaku demikian *muḍarib* hanya berhak mendapat upah *mithl* sahaja dan semua keuntungan adalah untuk pemilik modal dan sebarang kerugian juga adalah menjadi tanggungannya.¹⁵⁴

ii. *Qayyid* dari segi masa

Maksud *qayyid* dari segi masa ialah penentuan masa bagi berakhirnya sesuatu kontrak *muḍarabah*. Dalam mazhab Syafi'i, tidak harus menentukan tempoh berakhirnya sesuatu kontrak *muḍarabah*. Ini kerana *muḍarabah* adalah merupakan suatu kontrak yang harus dan tidak mengikat, kontrak yang sah hanyalah yang dibuat secara *muṣlaq* tanpa penentuan tempoh masa. Jika dikenakan syarat penetapan tempoh masa tertentu, maka *muḍarabah* itu menjadi *lazim* (mengikat) dan ia dianggap batal.¹⁵⁵ Alasan menegah penentuan tempoh masa dalam *muḍarabah* di sisi mazhab Syafi'i adalah sebagaimana berikut:¹⁵⁶

- a. *Al-İfādah fi al-Bukhari*: Menyekat kebebasan *muḍarib* dalam bekerja.

Mudarabah disyari'atkan untuk mencari keuntungan, sedangkan keuntungan adalah perkara *ghaib*, tiada waktu yang ditetukan untuknya. Mengenakan *qayyid* dengan tempoh masa mencacatkan

¹⁵³ al-Khatib (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h.311.

¹⁵⁴ al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 522.

maksud untuk mendapat keuntungan. Ini kerana kadang-kadang di tangan *mudārib* masih ada barang yang belum dijual kerana pembelinya belum ditemui ketika tempoh masa *mudārabah* telah berakhir. Ketika itu tidak dapat dibezakan antara modal dan untung.

- b. *Mudārabah* adalah kontrak yang harus secara *muflaq*, apa-apa juga kontrak yang harus secara *muflaq* tidak boleh ditentukan tempoh berkuatkuasanya seperti kontrak jual.

Namun demikian *fugahā'* Syafi'i mengharuskan satu bentuk penentuan tempoh bagi kontrak *mudārabah* iaitu apabila kontrak *mudārabah* dilakukan dengan berkuatkuasa dalam tempoh tertentu di mana *mudārib* tidak boleh membeli selepas tempoh yang ditetapkan itu berakhir, tetapi dia boleh membuat jualan. Ini dianggap sah kerana pemilik modal mempunyai kuasa menghalang *mudārib* daripada membuat pembelian pada bila-bila masa. Kerana ini tidak menghalang *mudārib* daripada menjual dan mendapatkan keuntungan sesudah tempoh yang ditetapkan berakhir.¹⁵⁷ *Fugahā'* Maliki berpendapat bahawa tidak harus menentukan tempoh berakhirnya kontrak *mudārabah* kerana ia adalah kontrak yang tidak mengikat. Apabila ditentukan tempoh masanya bererti ia jadi mengikat (*lāzim*), dan ini tidak harus. Mereka juga memberi alasan bahawa *mudārabah* adalah kontrak yang harus dan boleh dibubarkan oleh mana-mana pihak yang berkontrak pada bila-bila masa sebelum kerja-kerja pengurusan *mudārabah* dimulakan. Apabila ditentukan tempohnya, maka tidak mungkin mana-mana pihak boleh berbuat demikian.¹⁵⁸

¹⁵⁵ al-Syāfi'i (t.t.), *op.cit.*, j.3, h. 61.

¹⁵⁶ Hawwās (t.t.), *op.cit.*, h.127.

¹⁵⁷ al-Syīrāzi (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 385; al-Ramlī (1967) , *op.cit.*, j. 4, h. 164.

¹⁵⁸ Abū al-Wafid Sulaymān al-Bājī, al-Andalūsī (1329 H) , *al-Muntaqā Syarh Muwaṭṭa'* *Imām Mālik*, Maṭba'ah al-Sa'ādah, j. 5, h. 152.

Fuqahā' Hanafi dan Hanbali berpendapat bahawa menetapkan tempoh masa bagi berakhirnya sesuatu perniagaan *mudārabah* adalah harus. Mereka berhujah bahawa *mudārabah* adalah sama seperti perwakilan dan perwakilan boleh dilakukan dalam jangka masa tertentu,¹⁵⁹ di mana selepas tempoh masa itu tamat urusniaga *mudārabah* hendaklah dihentikan. Cuma dalam mazhab Hanbali dinyatakan bahawa apabila tempoh masa *mudārabah* tamat dan harta perniagaan *mudārabah* masih ada yang belum dijual, maka ia bertukar menjadi *qard* bukan *mudārabah* lagi.¹⁶⁰ Ini bererti semua keuntungan jualan selepas tempoh itu adalah menjadi milik *mudārib*.

iii. *Qayyid* dari segi jenis barang dan cara perniagaan

Qayyid dalam kontrak *mudārabah* juga boleh dibuat dalam bentuk penentuan jenis barang untuk diperniagakan. Ini kerana *qayyid* jenis ini juga membawa faedah, kerana setengah jenis barang perniagaan lebih hampir kepada maksud untuk mendapat keuntungan daripada yang lain. Keinginan manusia berbagai-bagai, kadang-kadang manusia cenderung kepada setengah jenis barang, tidak kepada yang lain, kerana itu *mudārib* mesti menjaga syarat tersebut. Kalau dia diberi keizinan memilih antara dua jenis barang, maka dia boleh memilih mana yang dia suka daripada dua jenis barang berkenaan.¹⁶¹ Jika pemilik modal menyerahkan modal miliknya kepada *mudārib* dengan menyuruhnya bermula makanan, maka dia tidak boleh bermula selain daripada makanan, kerana syarat yang disebut dalam perkataan itulah yang diambil kira.¹⁶² Menurut al-Imām Mālik dan al-Imām Syāfi'i, tidak harus dikenakan syarat

¹⁵⁹ al-Kāṣānī (t.t.) , *op.cit.*, j. 8, h. 3633; Ibn Qudāmah (1981) , *op.cit.*,j. 5 , h. 70.

¹⁶⁰ Ibn Qudāmah, *Ibid*, h. 69.

¹⁶¹ al-Kāṣānī (t.t.) , *op.cit.*, j. 8, h. 3634; Syarf al-Din(1974) , *op.cit.*,h. 32-34.

¹⁶² al-Kāṣānī (t.t) , *op.cit.*, h. 3633.

supaya memperniagakan barang tertentu sahaja kecuali jika jenis barang itu tidak berubah dari masa ke semasa dalam setahun.¹⁶³ Menurut Abū Hanīfah pula syarat sedemikian adalah harus dan mengikat *mudārib*, di mana jika dia menguruskan perniagaan *muḍarabah* bertentangan dengan syarat yang dikenakan oleh pemilik modal itu,¹⁶⁴ maka dia berkewajipan membayar ganti rugi, jika berlaku kerugian.¹⁶⁵ Dalam pada itu, *fuqahā'* Syafī'i juga mengharuskan *qayyid* *muḍarabah* dengan jenis barang tertentu dengan syarat barang itu bukan daripada jenis barang yang jarang-jarang ada dan sukar diperolehi.¹⁶⁶

Mengenai pemilihan jenis barang yang ingin diperniagakan oleh *mudārib*, Ibn Suma'ah¹⁶⁷ berkata : "saya dengar Muhammad (al-Syaybāni) berkata kepada seorang lelaki yang menyerahkan harta *muḍarabah* kepada seorang lelaki lain, dia berkata kepadanya jika kamu beli gandum untuk kamu 1/2 keuntungan, dan jika kamu beli tepung untuk kamu 1/3 keuntungan. Dia (Muhammad) berkata "ini harus". *Muḍarib* boleh membeli mana-mana yang dia suka daripada apa yang disebutkan kepadanya oleh pemilik modal. Maka dia berkata, ini adalah harus kerana dia memilih antara dua kerja yang berlainan".¹⁶⁸

Dari segi cara perniagaan dibuat sama ada tunai atau secara tangguh ianya juga bergantung kepada sama ada *qayyid* yang dikenakan itu berfaedah atau tidak. Jika ia berfaedah, maka ia wajib dipatuhi oleh *mudārib*. Kalau

¹⁶³ al-Imām Mālik (t.t.), *op.cit.*, h. 599.

¹⁶⁴ al-Kāṣāni (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3631-3635.

¹⁶⁵ al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 506; al-Nawawī (t.t.), tah. : Muhammad Najīb al-Muṭī'i, *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab*, j. 14, Kaherah: Maṭba'ah al-Imām, h. 379.

¹⁶⁶ Ibn Suma'ah ialah Muhammad ibn Suma'ah ibn Abd Allāh al-Tamīmī (130-233H), seorang ahli *fiqh*, hadith dan *usūl*. Beliau mempelajari ilmu *fiqh* daripada Abū Yūsuf Muhammad ibn al-Ḥasan al-Syaybāni dan juga daripada Ḥasan ibn Ziyād. Beliau pernah dilantik sebagai qadhi oleh Khalifah Harun al-Rasyid di Baghdad. Antara buku karangannya ialah "*Adab al-Qādī', al-Mukhādir wa al-Sajalāf*" dan "*al-Nawādīr*". Lihat al-'Asqalānī, (1326 H), *op.cit.*, j. 9, h. 204; al-Ziriklī (1979), *op.cit.*, j. 7, h. 23.

¹⁶⁷ al-Kāṣāni (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3634.

sesorang pemilik modal itu menyerahkan modal *mudārabah* dengan mengenakan syarat membeli dan menjual dengan tunai, maka *mudārib* tidak bolch melakukan sebaliknya kerana *qayyid* itu berfaedah.¹⁶⁸ Kalau diarahkan jual dengan bayaran beransur dan jangan jual dengan tunai, *mudārib* menjualnya dengan tunai. Ini harus kerana jualan tunai lebih bermanfaat daripada jualan secara ansur, maka *qayyid* itu dianggap tidak berfaedah. Perbandingannya seperti jika scorang itu berkata kepada *mudārib* “jual dengan harga RM10”, sedangkan *mudārib* menjualnya dengan harga yang lebih daripada itu.¹⁶⁹

iv. *Qayyid* dari segi menentukan orang yang bermu'amalah dalam *mudārabah*.

Dalam mazhab Hanafi, pemilik modal, semasa membuat kontrak *mudārabah*, bolch mengenakan syarat supaya *mudārib* hanya berurusniaga iaitu membeli dan menjual dengan orang-orang tertentu sahaja. *Qayyid* seperti ini harus dilakukan kerana adanya perbezaan manusia dari segi kepercayaan. Manusia juga berbeza dari segi mudah dan sukarnya berkira bicara; berbeza dari segi sifat kesediaan menepati masa dalam membayar hutang, dan menunaikan janji. Maka kerana itu syarat sedemikian adalah dikira berfaedah.¹⁷⁰ Namun demikian dalam mazhab Hanafi juga, sekiranya pemilik modal mengenakan syarat supaya *mudārib* melakukan perniagaan *mudārabah* dengan penduduk sebuah bandar tertentu, tetapi *mudārib* berurusniaga di bandar berkenaan dengan penduduk bandar tersebut dan juga dengan orang-orang yang bukan penduduk tetap atau pendatang di bandar itu adalah dianggap sah.¹⁷¹ Mazhab

¹⁶⁸ *Ibid.*, 3635

¹⁶⁹ *Ibid.*

¹⁷⁰ *Ibid.*

¹⁷¹ al-Sarakhsī (t.t.), *op. cit.*, j. 22, h. 42.

Syafi'i pula tidak mengharuskan perbuatan mengenakan *qayyid* supaya berurusniaga dengan orang tertentu sahaja dalam *mudārabah*.¹⁷²

b. *Qayyid* dibuat selepas akad

Hukum mengenakan *qayyid* ke atas kontrak *mudārabah* yang dibuat secara *mutlaq* selepas daripada berlakunya kontrak, jika dilakukan sebelum membeli, maka *qayyid* itu boleh diguna pakai. Tetapi jika ia datang selepas membeli, ia tidak dipakai sehingga dijual apa yang telah dibeli. Setelah barang itu dijual, maka *muqārib* terikat dengan *qayyid* yang dikenakan.¹⁷³ Kedudukannya adalah sama seperti dia mengenakan *qayyid* itu sejak dari mula kontrak dibuat lagi. Sebab pemilik modal mempunyai kuasa untuk menentukan *qayyid*, bila didapati *qayyid* itu membawa faedah seperti mengenakan syarat membeli mesti dengan tunai. Jika syarat itu tidak membawa faedah tak perlu dira'ikan. Larangan daripada menjual secara tidak tunai (*nasi'ah*) juga diambil kira diwaktu akad dan sesudah akad. Cuma dia diambil kira sesudah akad dengan diqayyidkan bahawa harta yang ada di tangan *muqārib* adalah wang. Jika bukan wang ia boleh dijual secara bayaran ansur dan ditukarkan kepada wang.¹⁷⁴

Ternyata daripada pebincangan mengenai semua urusniaga di atas bahawa *muqārib* dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang dikenakan kepadanya dalam kontrak *mudārabah*, jika syarat syarat itu berfaedah. Jika dia menyalahi syarat yang berkenaan, maka dia dikira sebagai merampas. Semua keuntungan menjadi miliknya dan kerugian juga menjadi tanggungannya. Dia mesti menjamin pembayaran ganti rugi harta *mudārabah* kepada pemilik modal.

¹⁷² al-Syīrāzī (1994) , *op. cit.*, j. 1, h. 506; al-Khaṭīb,(t.t) j. 2, h. 311.

¹⁷³ al- Kasānī (t.t) , *op.cit.*, j 8 , h. 3635

4. Kerjasama dan transaksi antara pemilik modal dan *mudārib*

a. Pemilik modal bekerja dalam perniagaan *mudārabah*

Mengenai persoalan pemilik modal bekerja bersama *mudārib* dalam perniagaan *mudārabah*, ianya bolch berlaku disebabkan oleh adanya syarat dari pihak pemilik modal bahawa dia akan bekerja bersama *mudārib* dalam perniagaan *mudārabah*. Ada kemungkinan dia mensyaratkan untuk bekerja bersama dalam *mudārabah* dengan keizinan *mudārib* dan kadangkala dia bekerja tanpa keizinan *mudārib*. Setiap keadaan ini ada hukum yang tersendiri. Jika pemilik modal mensyaratkan dia akan bekerja dalam *mudārabah*, maka kontrak *mudārabah* itu menjadi *fāsid*, kerana antara syarat-syarat sah *mudārabah* ialah pengasingan antara *mudārib* dan pemilik modal.¹⁷⁵ Mensyaratkan pemilik modal bekerja bersama *mudārib* menafikan perkara ini. Akad *mudārabah* menjadi rosak kerana mencacatkan maksudnya iaitu keuntungan. Ini kerana keuntungan tidak tercapai melainkan dengan kebebasan *mudārib* dalam mengurusniagakan modal *mudārabah*.

Kalau pemilik modal mengenakan syarat kepada *mudārib* supaya rakan kongsinya dalam syarikat *mufāwadah*¹⁷⁶ bekerja bersamanya, maka syarat ini merosakkan *mudārabah* kerana dua orang yang bersyarikat *mufāwadah* sama seperti seorang. Tiap-tiap seorang daripada mereka berhak mendapat untung yang dihasilkan daripada modal *mudārabah*. Kerana kedua-duanya berkongsi dalam penyediaan modal. Mensyaratkan kerja rakan kongsinya bersama *mudārib* sama

¹⁷⁴ *Ibid*, Md Akhir Yaacob (1994), *op.cit.*, per, 1420-1421

¹⁷⁵ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, 22, h. 83.

¹⁷⁶ Syarikat *mufāwadah* ialah syarikat yang sama dalam semua perkara antara ahli-ahlinya dari segi modal, pengurusan dan hutang daripada mula syarikat itu diwujudkan sehingga ke akhirnya. al-Syīrāzī menta'rifkan syarikat *mufāwadah* sebagai suatu kontrak syarikat antara dua orang dalam perusahaan yang mereka lakukan dengan harta dan tenaga. Setiap rakan kongsi

dengan dia mensyaratkan dirinya sendiri bekerja bersamanya. Syarat seperti itu tidak menghasilkan pengasingan antara modal dan kerja. Demikian juga kalau pemilik modal mengenakan syarat supaya rakan kongsinya dalam syarikat '*inān* bekerja bersama *mudārib*. *Mudārabah* dianggap rosak dengan syarat-syarat itu. Ini kerana setiap orang daripada ahli syarikat berhak mendapat bahagiannya dalam keuntungan kerana mereka berkongsi modal.¹⁷⁷

Adapun jika modal itu bukan milik mereka secara berkongsi dan jika disyaratkan rakan kongsi dalam syarikat '*inān* bekerja bersama *mudārib*, tidak merosakkan *mudārabah*. Rakan kongsi '*inān* dalam hal ini dianggap sebagai membawa modal lain. Contohnya seorang bapa, apabila dia menyerahkan harta anak kecilnya secara *mudārabah* kepada seseorang dengan syarat dia bekerja bersama dengan ketentuan untuknya sebahagian dari keuntungan seperti dia mensyaratkan untuk *mudārib* 1/3, untuk anaknya 1/3 dan untuk dirinya 1/3.

Perkara yang sedemikian boleh juga berlaku kepada *wāṣi* terhadap harta wasiat di bawah jagaannya. Hal ini kerana mereka sendiri sudah boleh melakukan *mudārabah* dengan harta itu. Bagi seseorang yang mana dirinya sendiri boleh menjadi *mudārib* kepada sesuatu harta, maka dia juga boleh menjadi *mudārib* bersama orang lain. Kedua-duanya berhak menuntut keuntungan dengan melakukan kerja, mereka bukan pemilik modal dan mereka sama seperti orang lain. Jika bapa mensyaratkan anaknya ikut serta dalam kerja *mudārabah*, maka kontrak itu menjadi batal kerana si anak tidak boleh jadi *mudārib* bermula dengan modalnya sendiri. Ini kerana dia boleh menuntut hak mendapat

menjadi penjamin (*dāmin*) kepada rakan kongsinya dalam perkara yang menjadi kewajipan kepada rakan kongsinya itu. Lihat al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*, j.1, h. 353..

¹⁷⁷ al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.* j. 22, h. 84.

keuntungan dengan pemilikan harta modal.¹⁷⁸ Apabila dia sendiri tidak boleh menjadi *muqārib*, maka dia tidak boleh berkongsi sebagai *muqārib* dengan orang lain dalam melaksanakan kerja *muqārabah*. Jika rosak *muqārabah* itu, maka *muqārib* bertukar menjadi pekerja dan berhak mendapat upah sebagai imbalan kepada kerja yang dilakukannya. Bapa atau *wāsi* mesti menunaikannya daripada harta kanak-kanak berkenaan. *Muqārib*, yang pada masa itu telah bertukar menjadi pekerja dan dia berhak menuntut upah daripada orang yang menyuruhnya bekerja, cuma upahnya daripada harta kanak-kanak itu kerana dia bekerja untuk menyuburkan hartanya.¹⁷⁹

*Fugaha*² Hanafi selain daripada Zufar mengharuskan *muqārib* menyerahkan harta *muqārabah* kepada pemilik modal dalam bentuk barang yang membolehkannya membeli dan menjual. Kerjanya dianggap sah dalam pengurusan *muqārabah*. Dia menjadi pembantu *muqārib* dalam kerja-kerjanya dan dia bekerja secara sukarela. Dia tidak berhak mendapat apa-apa balasan. Ini kerana penyerahan harta kepada *muqārib* telah menyempurnakan pengasingan dan pengurusan harta telah menjadi hak *muqārib*. Di antara hak *muqārib* ialah mewakilkan kerja pengurusan kepada sesiapa yang disukainya dan menyerahkan harta secara *ibdā*³ adalah suatu bentuk perwakilan. Melantik pemilik modal sebagai wakil dan menyerahkan harta secara *ibdā*³ kepadanya tidak dikira sebagai memulangkan harta yang boleh merosakkan kontrak. Apabila *mudarib* boleh meminta tolong daripada orang lain, maka meminta

¹⁷⁸ *Ibid.*, h. 45.

¹⁷⁹ *Ibid.*, h. 84-85.

tolong kepada pemilik harta adalah lebih baik kerana dia lebih sayang harta tersebut daripada orang lain.¹⁸⁰

Sementara Zufar pula berpendapat bahawa apabila *mudārib* menyerahkan harta *mudārabah* kepada pemilik harta untuk diurusniagakan dengan menjual dan membeli, maka *mudārabah* menjadi *fāsid* kerana pemilik modal mengurusniagakan hartanya sendiri. Ini dianggap sebagai mengembalikan modal kepada pemiliknya. Seseseorang itu apabila dia bekerja menguruskan hartanya sendiri, tidak boleh menjadi wakil bagi pihak orang lain, maka dengan demikian dia dianggap mengambil balik modal. Pendapat Zufar ini ditolak dengan alasan bahawa setelah diserahkan harta kepada *mudārib* berlakulah pengasingan dan jadilah dia seperti orang lain dan dia boleh menjadi wakil.¹⁸¹

Fuqahā' Hanafi juga berpendapat bahawa apabila *mudārib* menyerahkan harta *mudārabah* kepada pemilik modal secara *mudārabah* juga, maka kontrak *mudārabah* itu dianggap tidak sah, kerana *mudārabah* adalah syarikat antara harta pemilik modal dan kerja *mudārib*. Tidak ada harta pada *mudārib* untuk membolehkannya mengikat kontrak *mudārabah* dengan harta dari dalam tangannya. Oleh itu kekallah kerja pemilik modal dengan urusan *mudārabah*. Atas asas ini tidak ada *mudārabah* kedua dan tidak rosak *mudārabah* pertama selama mana dia bekerja dengan keizinan *mudārib*¹⁸². Apabila mendapat keuntungan, maka keuntungan dibahagi antara pemilik modal dan *mudārib* mengikut syarat yang telah mereka persetujui dalam *mudārabah* pertama. Jika rugi maka kerugian itu adalah susutan daripada modal. *Mudārabah* kedua adalah

¹⁸⁰ Lihat al-Marghinānī, (t.t.) , *op.cit.*, j. 3, h.211

¹⁸¹ *Ibid.*

¹⁸² al-Sarakhsī (t.t) , *op.cit.*, j 22, h. 89.

batal. Harta *muḍarabah* di tangan pemilik modal adalah sebagai *ibda'*. Pemilik harta menolong *muḍarib* kerana *muḍarib* meminta pertolongan daripadanya, maka jadilah kerjanya seperti kerja *muḍarib*. Keuntungan untuk mereka berdua mengikut syarat yang telah mereka persetujui. *Muḍarabah* kedua tidak sah kerana pemilik modal berhak menuntut keuntungan dengan miliknya itu, dia tidak harus menjadi *muḍarib* kerana *muḍarib* berhak menuntut keuntungan dengan kerjanya, bukan dengan pemilikan¹⁸³.

Fuqahā' Hanafi tidak mengharuskan pemilik modal mengambil harta *muḍarabah* dalam bentuk wang daripada *muḍarib*, bukan dengan suruhan *muḍarib* dengan bertindak membeli dan menjual. Perbuatan ini dikira membatalkan *muḍarabah*, kerana tidak ada permintaan daripada *muḍarib* supaya dia berbuat demikian. Pemilik modal bekerja untuk dirinya sendiri, maka batallah *muḍarabah*, kerana asalnya kerja adalah tugas *muḍarib*, bukan pemilik modal. Dengan demikian menjadikan kerja dan modal di satu pihak sahaja. Jika harta modal itu dalam bentuk barang, pemilik modal mengurusniagakannya tanpa keizinan *muḍarib* tidak dianggap membatalkan *muḍarabah*, kerana *muḍarabah* tidak akan menjadi batal dengan nyata selama mana modal masih dalam bentuk barang. Adalah lebih utama tidak membatalkan *muḍarabah* dengan tindakan pemilik modal mengurusniagakannya. Urusniaga harta *muḍarabah* tanpa keizinan pemilik modal, dalam keadaan modal masih dalam bentuk barang adalah dianggap sebagai urusniaga *muḍarabah*.¹⁸⁴

Dalam mazhab Maliki, tidak diharuskan pensyaratannya pemilik modal bekerja bersama *muḍarib*, namun mereka membenarkan pemilik modal bekerja

¹⁸³ *Ibid.*

¹⁸⁴ al-'Aynī (1981), *op. cit.*, j. 7, h. 81.

dalam *mudārabah* dalam bentuk menolong. Mereka mclarang pemilik modal berurusniaga barang *mudārabah* tanpa keizinan *mudārib* sama seperti yang diakui dalam mazhab Hanafi. Tidak ada hak bagi pemilik modal bekerja bersama *mudārib* dalam membeli dan menjual, mengambil dan menerima apa-apa yang berkaitan dengan *qirād*. Dia juga tidak boleh membuat syarat supaya *mudārib* mestil bermesyuarat dengannya atau disyaratkan ada pengawal keselamatan yang menyebabkan sekatan dan penyempitan kepada *mudārib*. Jika dia melakukan sesuatu daeripada yang demikian, *fasad* (rosak) *qirād* dan wajib dia memberi upah *mithl* kepada *'āmil*. Menurut al-Imām Malik bahawa sesiapa yang mengambil *qirād* atas ketetapan bahawa pemilik modal akan bekerja bersamanya, dengan demikian kalau *mudārib* terus juga bekerja, maka ia dianggap sebagai pekerja upahan bukan sebagai *'āmil qirād (mudārib)*, ia diberi upah. Demikian juga sekiranya pemilik modal bekerja tanpa syarat, ia tetap tidak sisennagi oleh al-Imām Mālik kecuali setakat kerja-kerja yang mudah.¹⁸⁵ al-Imām Mālik mengharuskan salah satu pihak menolong yang lain tanpa, syarat dengan cara yang *ma'rūf*.¹⁸⁶ Pemilik modal boleh mengambil harta dalam bentuk wang yang tidak digunakan untuk sebarang pembelian. Jika pemilik modal hendak mengambil kembali modal miliknya selepas *'āmil* membeli barang-barang maka dia tidak boleh berbuat demikian sehingga barang itu dijual dan dijadikan wang. Jika *'āmil* hendak memulangkan modal sedangkan ia masih dalam bentuk

¹⁸⁵ al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, h 111; Abū 'Abd Allah Muḥammad ibn Yusūf ibn al-Qāsim al-'Abdarī, (1978) "al-Tāj al-Akfil li Mukhtasar Khafīl", dalam hamisy Abū 'Abd Allah Muḥammad ibn Muḥammad ibn 'Abd al-Rahmān al-Maghribī, *Muwahib al-Jaṣīl li Syarh Mukhtasar Khafīl*, t. pt., h. 361.

¹⁸⁶ al-Zurqānī (1979), *op.cit.*j.3, h. 350.

barang, maka dia tidak bolch berbuat demikian sehingga dia menjual semuanya dan menyerahkan kembali sebagaimana dia mendapatkannya dahulu.¹⁸⁷

Mazhab Syafi'i mclarang mengenakan syarat supaya pemilik modal bekerja bersama 'amil'.¹⁸⁸ Ini kerana pembahagian kerja urusniaga membawa kepada pembahagian kuasa. Antara syarat *muqārahah* ialah kebebasan *muqārib* dalam berurusniaga, maka tidak harus mengenakan syarat bahawa dia bekerja bersama 'amil. Mereka juga tidak mengharuskan pengenaan syarat 'amil bekerja bersama seorang penyelia yang memerhatikan kerjanya tanpa batas dengan meminta *muqārib* merujuk kepadanya¹⁸⁹. Mazhab Hanbali pula berpegang kepada perinsip tolak ansur dalam syarat bekerja. Bersesuaian dengan sabda Rasul Allah

s.'a.w:

¹⁹⁰ أَمْسِلُونَ عَلَى شَرْوَطِهِمْ

yang bermaksud: *orang Islam terikat dengan syarat-syarat mereka*. Mereka mengharuskan *bermuqārahah* dengan menggunakan modal daripada salah seorang daripada dua orang yang berkontrak dan kerja dilakukan oleh kedua-dua pihak yang terlibat. Oleh yang demikian jika seorang itu mengeluarkan harta yang sah digunakan untuk *bermuqārahah* dan pemilik modal turut sama bekerja bersama *muqārib*, di mana keuntungan dibahagi antara mereka, maka *bermuqārahah* dengan cara ini adalah harus. Ini kerana selain daripada tuan punya modal, iaitu *muqārib* tetap berhak menuntut syarat mendapatkan keuntungan melalui kerjanya pada harta orang lain. Inilah hakikat *muqārahah*.¹⁹¹

¹⁸⁷ *Ibid.*, h. 351.

¹⁸⁸ al-Nawawī, (1338 H), *op.cit.*, h.74.

¹⁸⁹ al-Khatib (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 211.

¹⁹⁰ al-Bāñī (1986), *op.cit.*,j. 2, h. 1183.

¹⁹¹ Ibn Qudāmah (1981) , *op.cit.*,j. 5, h. 28-29.

Dengan ini didapati bahawa Ibn Qudāmah daripada mazhab Hanbali dengan berdasarkan kepada persoalan mengenai perkongsian dua badan (orang) pada memperniagakan harta salah seorang dari mereka. Harta kepunyaan salah seorang daripada mereka, kerja dilakukan oleh mereka berdua, untung dibahagi antara mereka. Beliau menjelaskan bahawa al-Imām Ahmad ibn Ḥanbal telah menyatakan tentang keharusan perkara itu. Alasannya kerja adalah salah satu daripada rukun *muḍārabah*, maka harus berasingan salah seorang daripada mereka iaitu *muḍārib* bersama dengan wujudnya dua perkara iaitu harta dan kerja di pihak pemilik modal. Ini melihat kepada tenaga kerja yang hanya datang dari salah seorang daripada mereka dan seorang lagi menyumbangkan harta dan kerja.¹⁹².

Orang yang mlarang daripada mengenakan syarat pemilik modal ikut serta melakukan kerja dalam modal *muḍārabah* mengasaskan pandangan mereka bahawa penyerahan modal adalah syarat dalam *muḍārabah*. Menurut Ibn al-Mundhir, tidak sah *muḍārabah* sehingga harta modal diserahkan kepada *muḍārib*, dan antara mereka menjadi berasingan kerana *muḍārabah* menghendaki supaya harta diserahkan kepada *muḍārib*. Dengan demikian apabila disyaratkan pemilik modal bekerja bersama *muḍārib* dan tidak diserahkan harta modal kepadanya, maka ia menyalahi kehendak kontrak. Tetapi Ahmad ibn Ḥanbal berpendapat bahawa dalam *muḍārabah* tidak memestikan berlaku penyerahan harta modal kepada *muḍārib*, cuma yang dikehendaki ialah penyerahan kuasa urusniaga pada harta orang lain. Bahagian mereka bercampur dalam keuntungan hasil daripada penglibatannya dalam kerja-

¹⁹² *Ibid.* h. 29.

Pendapat Ibn Mundhir adalah juga menjadi pegangan mazhab Ash'āb al-Rā'y , Mālik, Awzā'i, Syafī'i dan Abū Thawr.¹⁹³

b. Jual beli antara pemilik modal dan *muḍārib*

Fuqahā' Hanafi berpendapat bahawa harus pemilik modal membeli daripada *muḍārib* dan pembeliaan *muḍārib* daripada pemilik modal sekalipun dalam *muḍārabah* itu tidak ada keuntungan kerana pemilik modal dalam harta *muḍārabah* adalah sebagai pemilik *raqabah* (jagaan) bukan pemilik urusniaga. Harta *muḍārabah*, nisbah kepada pemilik modal seolah-olah harta asing. Sebaliknya bagi *muḍārib* pula dalam harta *muḍārabah* hanya ada hak pengurusan, tiada hak *raqabah*. Nyatalah bagi kedua-dua belah pihak, pemilik modal dan *muḍārib* dalam harta *muḍārabah* sama seperti harta orang lain, maka mereka saling boleh menjual dan membeli antara satu sama lain. Ini disanggah oleh Zufar, juga seorang tokoh *fiqh* mazhab Hanafi kerana beliau melihat dari segi harta *muḍārabah* itu adalah milik pemodal, seolah-olah dia membeli hartanya sendiri, ini tidak harus sama seperti wakil dan orang yang melantiknya menjadi wakil.¹⁹⁴

Kalau *muḍārib* membeli sebuah rumah bersebelahan dengan rumah pemilik modal, di mana pemilik modal mempunyai hak *syuf'ah*, maka dia (pemilik modal)boleh mengambilnya secara *syuf'ah*, sekalipun pada hakikatnya dia yang membeli rumah itu dengan wang miliknya. Tetapi dari segi hukum seolah-olah bukan dia yang membelinya. Hal ini berdasarkan dalil bahawa ,dia tidak berhak mencabut kuasa pengurusan dari tangan *muḍārib*. Dengan itu dia harus membelinya daripada *muḍārib*. Sebaliknya jika *muḍārib* menjual sebuah

¹⁹³ *Ibid.* h. 25.

¹⁹⁴ al-Kāṣānī (t.t), *op.cit.*, j. 8, h. 3637

rumah yang merupakan harta *mudārabah*, sedang pemilik modal adalah *syūfi*'nya (pemilik hak *syufi'ah*), maka dia tidak bolch mengambilnya secara *syufi'ah* sama ada penjualan, rumah itu mendapat untung atau tidak. Ini kerana *mudārib* adalah wakil kepada pemilik modal dalam menjual. Pihak yang melantik wakil tidak berhak mengambil secara *syufi'ah* apa-apa yang dijual oleh wakilnya sama ada jualan itu mendapat untung atau tidak.¹⁹⁵

al-Imām Mālik juga mengharuskan kepada pemilik modal untuk membeli daripada *mudārib* sebahagian barang daripada harta *qirād* dengan cara tidak sampai kepada mengambil sesuatu daripada keuntungan sebelum pembahagiannya, sama ada dia membeli dengan cara tunai atau cara tangguh, jika tidak disyaratkan demikian ketika akad. Jika hal itu disyaratkan, maka ia dilarang. Dia mesti membeli daripada *mudārib* sama seperti orang lain tanpa *mahābah* (jualan tanpa untung), kerana cara itu (*mahābah*) adalah makruh pada pandangan al-Imām Mālik kerana kemungkinan *mudārib* memurahkan harga barang kepada orang yang memberi modal *mudārabah* kepadanya, maka pemilik modal mengambil manfaat daripada *mudārib* selain daripada keuntungan yang telah ditetapkan kepadanya.¹⁹⁶ *Fugahā'* Syāfi'i melarang perbuatan demikian dengan pendirian mereka menegah mu'amalah antara pemilik modal dan *mudārib* dengan harta *qirād* kerana dia membawa kepada jualan hartanya dengan hartanya sendiri sama ada ternyata mendapat untung atau tidak.¹⁹⁷ Mengenai perkara ini dalam mazhab Hanbali pula terdapat dua pendapat :

¹⁹⁵ *Ibid.*

¹⁹⁶ al-Zurqānī (1979), *op.cit.*, j. 3, h. 347

¹⁹⁷ al-Khatib (t.t.), *op.cit.* j. 2, h. 316.

a. Membelinya sama seperti dia membeli daripada hamba *mukatabnya*

Tidak sah Pemilik modal membeli sesuatu daripada harta *muqārahah* untuk dirinya kerana dia pemiliknya. Tidak sah pembeliannya sama seperti membeli daripada wakilnya .

b. Membelinya sah, kerana dia tertakluk dengan hak *muqārib*, maka dia harus.¹⁹⁸

Menurut al-Bahūtī, *Muqārib* tidak boleh membeli daripada harta *muqārahah* jika ternyata dalam *muqārahah* itu ada keuntungan kerana dia berfungsi dalam keuntungan itu bersama pemilik modal. Jika ternyata tiada keuntungan, sah pembeliannya, sama seperti pembelian wakil daripada orang yang mewakilkannya, maka dia boleh membeli daripada pemilik modal atau daripada dirinya sendiri dengan izin pemilik modal¹⁹⁹

Daripada perbincangan di atas ternyata bahawa *fuqahā'* berbeza pendapat mengenai hak pemilik modal dalam harta *muqārahah*. Sebahagian daripada mereka berpendapat dengan mengekalkan milik pemilik modal dan melarang dia membelinya. Sebahagian yang lain pula cenderung untuk melihat kepada kuasa yang ada pada *muqārib* untuk mengurusniagakan harta tersebut. Kerana itu diharuskan pembelian pemilik modal daripada *muqārib*. Golongan kedua ini diwakili oleh *fuqahā'* mazhab Hanafi, Maliki dan satu golongan daripada mazhab

¹⁹⁸ Ibn. Qudamah(1981) , *op.cit.*j. 6, h. 58. Mukatab ialah hamba yang dijanjikan oleh tuannya akan dimerdekaan setelah membayar sejumlah wang tertentu dalam tempoh masa tertentu. Pembayaran itu dibuat secara betangguh dalam jangka masa tertentu adalah unduk memberi kemudahan kepada hamba itu mendapatkan wang bagi tujuan berkenaan . Sila lihat Abu al-Husayn Ahmād ibn Fāris ibn Zakariyā al-Rāzī (1983) , tah.: Dr. 'Abd Allāh ibn al-Muhsin al-Turkī, *Hulīyyah al-Fuqahā'*, Beirut : al-Syarīkah al-Muttaḥidah li al-Tawzī' , h. 209; al-Ghazālī, (1994), *op.cit.*, 470.

¹⁹⁹ al-Bahūtī (t.t.) , *op.cit.*, j. 3, h. 210.

Hanbali demikian menjaga kepentingan pemilik modal dan *mudārib*. Kadang-kadang pemilik modal mendapat faedah daripada memperoleh barang *mudārabah* dan kadang-kadang *mudārib* juga memperoleh faedah dengan cara itu, apabila berhasil mendapat untung disebalik urusan jual beli yang berlaku antara mereka.

B. Hukum *Mudārabah* Yang *Fāsid*

Yang dimaksudkan dengan *mudārabah* yang *fāsid* (rosak) ialah sesuatu kontrak *mudārabah* yang melibatkan syarat atau tindakan mana-mana pihak yang berkontrak yang boleh menyebabkan kontrak berkenaan menjadi *fāsid*. Antara faktor yang boleh menyebabkan *mudārabah* menjadi *fāsid* ialah:

- a. Pemilik modal menyerahkan kepada *mudārib* modal miliknya tanpa menyebut mengenai agihan keuntungan antara mereka.²⁰⁰
- b. Ketentuan bahagian untuk *mudārib* pada kadar yang diragui seperti pemilik modal menentukan bahawa *mudārib* akan mengambil keuntungan pada kadar 1/2 atau 1/3.²⁰¹
- c. Pemberian kadar keuntungan mengikut kehendak sebelah pihak sahaja seperti *mudārib* menentukan bahagian untuk pemilik modal mengikut kadar yang dia (*mudārib*) kehendaki atau sebaliknya pemilik modal memberi bahagian keuntungan untuk *mudārib* mengikut kadar yang dia kehendaki, yang selebihnya adalah untuk dirinya sendiri tanpa diketahui kadar sebenarnya.²⁰²

²⁰⁰ al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, j. 22, h. 25.

²⁰¹ *Ibid.*

²⁰² *Ibid.*, h. 27; Ibn Qudāmah (t.t.) ,*op.cit.*, j. 5, h. 71.

- d. *Mudārib* meminta disyaratkan untuknya separuh keuntungan dan ditambah dengan sejumlah wang tertentu, sepuah dirham, misalnya.²⁰³
- e. Menentukan jumlah wang tertentu daripada keuntungan untuk satu pihak dan yang selebihnya untuk pihak yang lain²⁰⁴
- f. Mengenakan syarat supaya pemilik modal mesti bekerja bersama *mudārib*, sama ada diberi upah atau tidak.²⁰⁵
- g. Mengenakan syarat bahawa bahagian *mudārib* bolch diperolehi daripada harta modal, kerana bahagian untuk *mudārib* hanya ada dalam keuntungan *mudārabah* sahaja.
- h. Menganakan syarat supaya *mudārib* menanggung ganti rugi, jika berlaku kerugian sekalipun bukan kerana salah laku *mudārib*.²⁰⁶
- i. Mengenakan syarat yang menafikan kehendak kontrak seperti mengenakan syarat bahawa kontrak *mudārabah* berkenaan tidak boleh dibubarkan dalam tempoh tertentu.²⁰⁷ Mengenakan syarat yang tidak termasuk dalam keperluan kontrak, seperti pemilik modal mengenakan syarat supaya *mudārib* memperniagakan bahagian hartanya (modal) yang lain secara *ibdā'*, di mana semua kuntungan bahagian harta berkenaan hanya untuk pemilik modal.²⁰⁸

²⁰³ al-Sayybāñī, (1990), *op.cit.*, h. 424-425.

²⁰⁴ Ibn Qudāmah (1981), j. 5, *op.cit.*

²⁰⁵ al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h. 152.

²⁰⁶ *Ibid.*, h. 28.

²⁰⁷ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, h. 70

²⁰⁸ *Ibid.*, h. 71

Apabila sesuatu kontrak *muḍārabah* menjadi *fāsid*, *muḍārib* tidak boleh melakukan sebarang pekerjaan sebagaimana yang boleh dilakukan olehnya dalam kontrak *muḍārabah* yang sah. Dia tidak boleh mendapat apa-apa hak seperti mana yang ada dalam *muḍārabah* yang sah, dia tidak berhak mendapat saraan, tidak berhak mendapat bahagian dalam keuntungan. Semua keuntungan adalah untuk pemilik modal, *muḍārib* hanya berhak mendapat upah *mithl* sahaja.²⁰⁹ *Muḍārib* tidak berhak mendapat bahagian dalam keuntungan kerana keuntungan yang boleh dituntut hanya dalam *muḍārabah* yang sah, tidak dalam *muḍārabah* yang *fāsid*. *Muḍārib* berhak mendapat upah *mithl* kerana dia tidak rela bekerja secara percuma.²¹⁰

Abū Yūsuf berpendapat jika *muḍārabah* yang *fāsid* (rosak) itu tidak mendapat keuntungan atau berlaku kerugian dalam perniagaan berkenaan, maka *muḍārib* tidak berhak menuntut upah, *qiyās* ke atas *muḍārabah* yang sah sehingga tidaklah *muḍārabah* yang *fāsid* itu menjadi lebih baik daripada *muḍārabah* yang sah.²¹¹ Manakala Abū Ḥanīfah pula berpendapat bahawa *muḍārib* berhak mendapat upah *mithl* dalam *muḍārabah* yang *fāsid* sama ada perniagaan *muḍārabah* itu mendapat untung atau tidak. Ini kerana upah mesti diberi kepada orang yang melakukan sesuatu pekerjaan yang diminta supaya dia melakukannya²¹² al-Syaybānī mempunyai pendapat yang sama dengan Abu Ḥanīfah, di mana *muḍārib* berhak mendapat upah *mithl* dalam *muḍārabah* yang *fāsid*.²¹³ Dari segi kedudukannya harta *muḍārabah* yang *fāsid* yang berada dalam

²⁰⁹ al-Kāṣānī (t.t.), *op.cit.*, j.7, h. 3654.

²¹⁰ Syarf al-Din (1974), *op.cit.*, h. 137.

²¹¹ al-Marghinānī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 203.

²¹² *Ibid.*

²¹³ al-Syaybānī (1990), *op.cit.*, h. 425.

tangan *mudārib* adalah dikira sebagai harta amanah sama sebagaimana dalam *mudārabah* yang sah.²¹⁴

Dalam mazhab Maliki berhubung dengan kontrak *mudārabah* yang *fāsid*, jika *mudārib* telah melakukan kerja-kerja mengurus perniagaan berkcreaan, kepada dia hendaklah diberi *qirād mithl* dalam keuntungan.²¹⁵ Jika tiada keuntungan *mudārib* tidak berhak mendapat apa-apa ganjaran. Dalam mazhab ini apa jua sebab yang menjadikan *mudārabah* itu *fāsid*, kepada *mudārib* akan diberi *qirād mithl* daripada keuntungan yang diperolehi. Kecuali dalam kes kerosakan kontrak *mudārabah* yang disebabkan oleh pelanggaran syarat kontrak yang ditetapkan oleh pemilik modal. Dalam perkara ini kepada *mudārib* diberikan upah *mithl*.²¹⁶

Dalam mazhab Syafi'i, *mudārib* diberi upah *mithl* sama ada perniagaan itu mendapat untung atau tidak, kecuali dalam kontrak itu pihak pemilik modal mengenakan syarat bahawa keuntungan adalah untuknya, tiada bahagian untuk *mudārib*.²¹⁷ Manakala dalam mazhab Hanbali pula *mudārib* diberi upah *mithl* sama ada perniagaan *mudārabah* itu mendapat untung atau tidak kecuali *mudārib* rela bekerja tanpa apa-apa bayaran.²¹⁸

C. Kedudukan *Mudārabah* Dalam Mu'malah Kehartaan

Mudārabah sebagai suatu kontrak pembekalan modal dan perkongsian untung antara pemilik modal dan *mudārib*. *Fuqahā'* sepakat tentang

²¹⁴ al-Kāṣānī (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3604.

²¹⁵ Ganjaran dalam bentuk *qirād mithl* diberi kepada *mudārib* jika perniagaan *mudārabah* yang *fāsid* itu mendapat keuntungan. Nilai ganjaran yang diberi kepada *mudārib* adalah berdasarkan kadar agihan keuntungan yang dibuat dalam perjanjian asal antara pemilik modal dan *mudārib*. Lihat al-Tanūkhī (t.t.), *op. cit.*, h. 109.

²¹⁶ Abū 'Umar ibn Abd al-Bar al-Namrī (1979), *Kitāb al-Kāfi fi Fiqh Ahl al-Madīnah*, j. 2, tahn : Dr. Muhammad Wulad Mādik al-Muritānī, Kaherah: Maṭba'ah Ḥasan, h. 115.

²¹⁷ al-Nawawī (1338 H), *op.cit.*, h. 74.

²¹⁸ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 73.

pensyari'atan *mudārabah* dalam perundangan Islam. Namun mereka berbeza pendapat dari segi kedudukan kontrak *mudārabah* itu sendiri dalam mu'amalah kchartaan. Apakah ia dapat dikategorikan ke dalam kategori kontrak *ijārah* iaitu satu jenis kontrak *mu'awadah* (kontrak pertukaran) atau ia termasuk dalam kategori syarikat dan dengan itu ia selaras dengan kacdah *qiyās*. Majoriti *fuqahā'* yang terdiri daripada *fuqahā'* Hanafi, Maliki dan Syafi'i²¹⁹ meletakkan *mudārabah* dalam kategori *ijārah* (kontrak upah kerja). Mereka berpendapat demikian dengan alasan bahawa *mudārib* bekerja untuk pemilik modal dengan mendapat upah dalam bentuk agihan keuntungan yang ditentukan kadar untuknya sebagai mana yang dipersetujui dalam syarat kontrak. Bagi merka *mudārabah* termasuk dalam kategori *ijārah* yang tidak diketahui ganjarannya kerana *mudārib* tidak tahu berapa jumlah keuntungan yang akan diperolehinya. Cuma syari'ah mengharuskannya kerana desakan (*darurah*) dan keperluan manusia untuk bermu'amalah dengannya. Majoriti *fuqahā'* (Hanafi, Maliki dan Syafi'i) juga berpendapat bahawa kontrak *ijārah* tidak boleh dilakukan dengan tiada upah ditentukan dan tiada kepastian kerja yang akan dilakukan. Kerana itu mereka tidak menggunakan *qiyās* kepada *ijārah* sebagai dalil pengukuh kepada kecharusan *mudārabah*, sebaliknya mereka hanya menggunakan dalil daripada al-Quran, Sunnah dan *Ijma'*²²⁰:

Manakala *fuqahā'* Hanbali berpendapat bahawa *mudārabah* adalah termasuk dalam kategori syarikat,²²¹ kerana dalam kontrak itu pemilik modal

²¹⁹ al-Nawawi ,(t.th.) , *op.cit.*, j. 7, h 5 ; al-Kāsanī (t.t.), *op.cit.*, j.8, h. 3587 ; al-Khatib, (t.t.) *op.cit.*, j.2, h. 311; al-Maghribī (1978) , *op. cit.* , j.5, h. 305.

²²⁰ al-Kāsanī (t.t),*op. cit.*, j.8, h. 1587.

²²¹ Ibn Taymiyyah (1995) , *Fiqh al-Mu'amalāt*, Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabi, h.223; Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *A'lām al-Muwaqi'i'n 'An Rabb al 'Ālamīn* (1969) , j.1, Kaherah: Dār al-Kutub al-Hadīthah, h. 384

tidak bertujuan untuk semata-mata bagi mendapatkan perkhidmatan kepakaran dan tenaga *mudārib* tetapi tujuan sebenarnya adalah untuk memperolehi keuntungan. Dalam *muqārahah*, kedua pihak yang berkontrak berkongsi untung dan rugi. Jika berhasil mendapat untung, mereka berama-sama menerima dan menanggung kerugian kerana tenaga yang dicurahkannya menjadi sia-sia tanpa mendapat apa-apa ganjaran. Manakala pemilik modal menanggung kerugian dengan kehilangan atau kesusutan harta modal miliknya.²²² Bagi mazhab Hanbali *muqārahah* disyari'atkan sciring dengan *qiyās* yang *sahīh*. Ia disyari'atkan bersesuaian dengan syarikat, di mana syarikat tidak mengenakan syarat supaya diketahui balasannya (ganjarannya). Dalam hal ini tidak berlaku pensyari'atan *muqārahah* yang bertentangan dengan *qiyās*.²²³

Namun demikian masih tidak dapat dihubungkan *qiyās* berkenaan dengan kontrak syarikat yang diperakui dalam perundangan Islam. Ini kerana bentuk perkongsian dalam *muqārahah* semata-mata perkongsian untung sahaja, tidak melibatkan perkongsian modal. Ia berlaku dengan modal di satu pihak dan usaha di pihak yang lain. Bentuk ini berbeza dengan mana-mana jenis syarikat kerana dalam syarikat *al-'aqd* perkongsian berlaku sama ada modal dan usaha daripada kedua belah pihak, iaitu dalam syarikat '*inān* dan *muṭawadah*'²²⁴; atau usaha sahaja tanpa modal dalam syarikat *al-abdan*;²²⁵ jaminan (*damān*) dan

²²² Ada juga dari kalangan *fuqahā'* Hanafi yang mengatakan bahawa *muqārahah* adalah suatu kontrak syarikat. al-Marghinānī mendefinisikan *muqārahah* dengan ungkapan : " akad atas syarikat dengan harta di satu pihak dan kerja di satu pihak yang lain". al-Zurqānī daripada mazhab Maliki juga menyebut tentang *muqāradah* dari jenis syarikat. Lihat al-Marghinānī, (t.t.) *op.cit.*, j. 3, h. 202; al-Zurqānī, (1979) , *op.cit.*, h. 517.

²²³ *Ibid*

²²⁴ Lihat al-Sarakhsī, (t.th.) *op.cit.*,j. 11, h. 152-153.

²²⁵ *Ibid*, h. 155.

modal atau jamianan sahaja tanpa modal dalam syarikat al-*wuyūh*.²²⁶ Dalam kesemua bentuk syarikat ini, pihak yang terlibat sama-sama berkongsi untung dan rugi. Bentuk pckongsian modal di satu pihak dan usaha di pihak yang lain memang tidak terdapat dalam bentuk-bentuk persyarikatan kecuali dalam *muqārahah*.²²⁷

3

²²⁶ *Ibid.*

²²⁷ al-Quḍāh (1984) ,*op. cit.*, h..175.